

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2018

HARI RABU : 17 OKTOBER 2018

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG
[LABIS]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Ahli-Ahli Parlimen dibenarkan untuk menggunakan laluan orang kenamaan (VIP) di semua lapangan terbang di Malaysia memandangkan Malaysia Airport Holdings Bhd. diarah untuk mengetatkan pemeriksaan di laluan khas VIP di semua lapangan terbang.

JAWAPAN:

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 22 lapangan terbang antarabangsa dan domestik di Malaysia menyediakan perkhidmatan Bilik Menunggu Khas. Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2013 yang dikeluarkan pada 4 Februari 2013 mengenai Tatacara Penggunaan Bilik Menunggu Khas Bagi Orang Kenamaan Di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) memperuntukkan bahawa semua Ahli Parlimen adalah layak untuk menggunakan Bilik Menunggu Khas dan menggunakan laluan orang kenamaan di KLIA dan klia2 tertakluk kepada permohonan dan kelulusan yang diberikan oleh Bahagian Istiadat dan Urusan Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

2. Bilik Menunggu Khas ini hanya boleh digunakan setelah mendapat kelulusan BIUPA tertakluk kepada kekosongan bilik, kekenanan orang kenamaan dan tarikh permohonan dibuat. Manakala bagi maksud tempahan menggunakan kemudahan Bilik Menunggu Khas dan laluan orang kenamaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh, Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu, Lapangan Terbang Tawau, Lapangan Terbang Sandakan, Lapangan Terbang Labuan dan Lapangan Terbang Lahad Datu, permohonan ini adalah diuruskan oleh MAHB melalui Pengurus Lapangan Terbang masing-masing. Tatacara penggunaan Bilik Menunggu Khas ini adalah selari dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2013 yang dikeluarkan pada 4 Februari 2013 mengenai Tatacara Penggunaan Bilik Menunggu Khas Bagi Orang Kenamaan Di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

NO. SOALAN : 1

3. Manakala, urusan penempahan Bilik Menunggu Khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai adalah dikendalikan oleh Senai Terminal Services Sdn. Bhd.
4. Bagi urusan penempahan Bilik Menunggu Khas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang Selangor, adalah dikendalikan oleh syarikat WCT Holdings dan NAZA Group masing-masing bagi pesawat persendirian dan pesawat komersial. Bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pula, tempahan Bilik Menunggu Khas dan laluan orang kenamaan di lapangan terbang tersebut dikendalikan oleh masing-masing Bahagian Istiadat dan Protokol, Jabatan Ketua Menteri Sabah, dan Unit Protokol dan Pengurusan Acara Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Manakala urusan penempahan Bilik Menunggu Khas di Lapangan Terbang Miri, Sibu, Bintulu dan Limbang adalah diuruskan oleh Pejabat Residen, Bahagian masing-masing.
5. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia dan MAHB sedang mengambil tindakan bagi mengetatkan lagi pemeriksaan di semua laluan khas orang kenamaan bagi menjamin tahap keselamatan dan pemeriksaan berdasarkan peraturan dan perundangan sedia ada. Dalam hubungan ini, pihak Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja dan MAHB telah diarahkan untuk memperketatkan peraturan dan penguatkuasaan tanpa sebarang pengecualian. Di samping itu, pihak Jabatan Kastam Diraja dan Jabatan Imigresen telah bersetuju untuk menempatkan pegawai mereka di laluan khas orang kenamaan.
6. Jabatan Kastam Diraja juga mempunyai perancangan untuk menempatkan mesin pengimbas x-ray KASTAM di laluan orang kenamaan bagi membanteras isu penyeludupan wang di KLIA dan KLIA2.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : Pasir Salak
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN

YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri** menyatakan sama ada akan meneruskan cadangan kereta nasional yang baru. Sekiranya akan diteruskan, berapakah jumlah pelaburan yang diperlukan serta penglibatan pihak Kerajaan dan swasta untuk menjayakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri automotif merupakan elemen penting dan strategik dalam sektor perkilangan di Malaysia. Industri automotif serta sektor yang berkaitan automotif menggunakan lebih daripada 700,000 pekerja dan telah menyumbang hampir 4% daripada KDNK Malaysia. Ia amat penting untuk pertumbuhan negara dan Projek Kereta Nasional baharu ini dijangka dapat meningkatkan keupayaan kejuruteraan dan teknologi di Malaysia.

Untuk makluman, Kerajaan buat masa ini sedang dalam proses kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) bagi menerapkan elemen-elemen selaras dengan kemajuan teknologi mobiliti dan Industri 4.0 untuk memastikan industri automotif tempatan selari dengan perkembangan semasa global.

Kajian semula ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri automotif tempatan seperti pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), peningkatan eksport termasuk mengambil kira cadangan projek kereta nasional baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Kereta Nasional baharu akan dibuat selari dengan hala tuju dan strategi masa depan industri automotif Malaysia, dengan mengambil kira unsur-unsur *Next Generation Vehicles* (NXGV), Mobiliti, Revolusi Industri (IR) 4.0 dan *Artificial Intelligence* (AI). Projek Kereta Nasional baharu yang dicadangkan ini tertumpu kepada pembangunan keupayaan pembuatan dan juga secara holistik dengan melibatkan keseluruhan rantai nilai dan ekosistem industri automotif.

Cadangan projek Kereta Nasional baharu ini juga perlu memberi penekanan kepada pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D), tren dan teknologi baharu dalam sektor automotif yang mana

akan memacu pertumbuhan industri automotif dan industri-industri lain yang berkaitan di Malaysia serta kerjasama dengan negara-negara ASEAN yang lain. Di samping itu juga, cadangan projek kereta Nasional ketiga ini juga dijangka dapat mewujudkan kluster teknologi baharu serta tenaga kerja pakar baharu terutama dalam bidang kejuruteraan automotif di Malaysia.

Mengenai soalan berkenaan jumlah pelaburan yang diperlukan dan penglibatan Kerajaan dan Swasta, projek kenderaan nasional baharu ini akan dipacu sepenuhnya oleh pihak swasta. Kerajaan hanya akan membantu dari segi kemudahan dan bantuan tertentu bergantung kepada komitmen syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menjemput pihak-pihak yang berminat untuk mengemukakan cadangan kepada Kerajaan berhubung Projek Kereta Nasional yang baharu di Malaysia pada September 2018. Tarikh akhir bagi penghantaran cadangan tersebut adalah pada 15 Oktober 2018. Setakat ini, beberapa syarikat telah menunjukkan minat untuk melibatkan diri di dalam cadangan Projek Kereta Nasional baharu ini.

Kementerian ini mengalu-alukan sebarang cadangan mahupun idea dari semua pihak bagi menjayakan Projek Kereta Nasional baharu ini.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Puan Rusnah binti Aluai
[Tangga Batu]

TARIKH : 17 Oktober 2018

SOALAN : Puan Rusnah binti Aluai minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-

adakah kerajaan bercadang menubuhkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bagi mengambil alih fungsi Padiberas Nasional Bhd. (BERNAS) setelah menamatkan monopoli BERNAS sebagai sebahagian daripada pembaikan dan pembaharuan industri beras negara dan memastikan kebajikan pesawah dijaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan bersedia mengambil alih peranan yang digalas oleh BERNAS setelah penamatan konsesi pada tahun 2021 bagi memastikan sebarang impak dan kesan terhadap industri padi dan beras negara dapat ditangani dengan sebaiknya. Kewujudan satu agensi atau Lembaga dengan model pengurusan baharu yang lebih efisien serta keupayaan kewangan yang kukuh bagi mengawal pembangunan industri semestinya akan dipertimbangkan. Perkara ini perlu diteliti dengan terperinci mengambil kira semua aspek dan pemegang taruh dalam industri termasuk dari segi aspek keselamatan makanan dan kebajikan pemain industri termasuk petani, pengilang serta rakyat keseluruhannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]
TARIKH : 17.10.2018 (RABU)

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapa harga jualan barang rata-rata masih tinggi dan tidak turun walaupun sistem cukai telah bertukar dari GST kepada SST.

NO. SOALAN: 40

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]
TARIKH : 17.10.2018 (RABU)

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah kes-kes dan aduan yang diterima oleh Kerajaan mengenai kesalahan menaikkan harga barang berikutan pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada bulan September 2018, dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan **sembilan belas (19) soalan** lain yang dikemukakan oleh **Yang Berhormat Kota**

Melaka pada 17 Oktober 2018, **Yang Berhormat Petrajaya** pada 22 Oktober 2018, **Yang Berhormat Larut** pada 24 Oktober 2018, **Yang Berhormat Rantau Panjang** pada 25 Oktober 2018, **Yang Berhormat Kota Tinggi** pada 29 Oktober 2018, **Yang Berhormat Selayang** pada 1 November 2018, **Yang Berhormat Maran** bertarikh 1 November 2018, **Yang Berhormat Limbang** dan **Yang Berhormat Kanowit** masing-masing pada 13 November 2018, **Yang Berhormat Ketereh** pada 15 November 2018, **Yang Berhormat Padang Terap** pada 22 November 2018, **Yang Berhormat Kuala Kedah** pada 27 November 2018, **Yang Berhormat Tanah Merah** pada 28 November 2018, **Yang Berhormat Pontian**, **Yang Berhormat Bagan Datuk** dan **Yang Berhormat Tangga Batu** masing-masing pada 3 Disember 2018, **Yang Berhormat Bera** pada 4 Disember 2018, **Yang Berhormat Gerik** pada 5 Disember 2018 dan terakhir **Yang Berhormat Ledang** pada 6 Disember 2018 kerana ia menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST).

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, daripada 20 soalan yang dikemukakan ianya berlegar kepada 4 perkara utama iaitu:-

- (a) Kesan pelaksanaan SST ke atas harga barang;
- (b) Barangan yang mengalami penurunan dan kenaikan harga;
- (c) Aduan mengenai kenaikan harga barangan; dan
- (d) Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Kementerian.

Kesan pelaksanaan SST ke atas harga barang

Selaras dengan pelaksanaan SST mulai 1 September 2018, fokus Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah pada aspek penguatkuasaan dan pemantauan harga bagi memastikan barangan keperluan pengguna dijual dengan harga yang berpatutan dan membendung perlakuan mengaut untung berlebihan di kalangan peniaga.

Kementerian ini telah mengkaji kesan pelaksanaan SST daripada sudut harga bagi 417 barangan. Barangan ini merangkumi enam kategori

iaitu barangan segar (136), barangan kering (25), barangan berbungkus, tin, pek dan botol (159), minuman (25), makanan dan barangan bayi (49) dan barangan kebersihan (23).

Analisa perubahan harga dibuat berdasarkan perbandingan harga purata antara bulan Mei 2018 dan September 2018. Secara keseluruhannya, 70% atau 291 barangan mencatatkan penurunan; 27% atau 115 item mengalami kenaikan purata dan 3% atau 11 item tiada perubahan harga.

Barangan yang mengalami penurunan dan kenaikan

Pecahan 291 barangan yang mencatatkan penurunan adalah terdiri dari Kategori Barangan Berbungkus, Tin, Pek dan Botol, 120 barangan (41%); Kategori Barangan Segar, 70 barangan (24%); Kategori Makanan dan Barangan Bayi, 43 barangan (15%); Kategori Barangan Kebersihan, 22 (7.5%); Kategori Minuman, 19 (6.5%); dan Kategori Barangan Kering, 17 (6%). Julat penurunan harga adalah antara 0.11% sehingga 37.61%.

Sementara itu, pecahan 115 barangan yang mencatatkan kenaikan terdiri daripada Kategori Barangan Segar, 63 barangan (55%); Barangan Berbungkus, Tin, Pek dan Botol, 34 barangan (30%); Kategori Barangan Kering, 7 (6%); Kategori Minuman, 6 (5%); dan Kategori Makanan dan Barangan Bayi, 5 barangan (4%). Julat kenaikan harga adalah antara 0.09% sehingga 41.65%.

Memandangkan SST dikenakan pada peringkat pengeluar, impak Cukai Jualan masih belum ketara pada harga barangan keperluan pengguna semasa awal pelaksanaannya. Kementerian menjangkakan harga barangan akan menunjukkan perubahan lebih ketara apabila stok yang dikeluarkan mulai bulan September berada di pasaran. Kementerian akan terus memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna di pasaran bagi memastikan harga yang dikenakan adalah berpatutan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa peka terhadap aduan pengguna mengenai isu

kenaikan harga barangan berikutan pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Tindakan penguatkuasaan yang rapi melalui pemantauan dan pemeriksaan harga dilaksanakan sepanjang masa ke atas semua premis perniagaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi memastikan para peniaga tidak mengeksploitasi harga barang susulan pengenalan semula SST.

Aduan mengenai kenaikan harga barangan

Kementerian juga telah mengambil langkah segera bagi memberikan kemudahan kepada pengguna untuk menyalurkan aduan. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah memperkenalkan satu lagi saluran aduan yang baharu melalui penggunaan aplikasi WhatsApp. Nombor telefon bagi WhatsApp tersebut adalah **019-279 4317**. Aplikasi Whatsapp ini membolehkan aduan diterima dengan kadar yang lebih pantas, mudah untuk diakses oleh rakyat dan mesra pengguna. Melalui pelaksanaan aplikasi WhatsApp ini, sepanjang bulan September 2018, Kementerian telah menerima sebanyak 11,178 mesej.

Sementara itu, aduan-aduan **kategori harga** yang diterima melalui saluran yang disediakan oleh Kementerian sehingga 10 Oktober 2018 adalah sebanyak **2,070 aduan**.

Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Kementerian

Tindakan penguatkuasaan yang rapi melalui pemantauan dan pemeriksaan harga dilaksanakan sepanjang masa ke atas semua premis perniagaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi memastikan para peniaga tidak mengeksploitasi harga barang susulan pengenalan semula SST. Sehingga **2 Oktober 2018**, sebanyak **146 notis Seksyen 21(2)** telah dikeluarkan kepada peniaga dan **40** daripada notis tersebut telah dianalisis dan didapati **tidak mencatut**.

Bagi mengekang kenaikan harga sewenang-wenangnya oleh peniaga, Kementerian telah mengambil pelbagai langkah dan tindakan seperti:

NO. SOALAN: 4

- i. melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga atau mencatut melalui **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018**;
- ii. melaksanakan tindakan penguatkuasaan pencatutan di bawah **Operasi Catut 5.0** bermula 8 ogos 2018 meliputi **seluruh rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan** di seluruh negara. Gerak gempur ini masih diteruskan bagi menangani isu kenaikan harga barangan secara tidak munasabah oleh pihak peniaga di seluruh negara;
- iii. mengeluarkan **Notis** di bawah **Seksyen 21 AKHAP 2011** yang dikuatkuasakan dengan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak untuk mendapatkan penjelasan. Notis ini menghendaki peniaga memberikan maklum balas dan penjelasan secara bertulis mengenai kenaikan harga bagi menentukan berlakunya elemen pencatutan;
- iv. melaksanakan **Dasar Harga Terangkum** bagi mengelakkan pengguna terkeliru dengan paparan harga yang tidak termasuk caj-
caj sampingan yang berkaitan;
- v. mengadakan program **libat urus (engagement)** untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama bersama peniaga dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan;
- vi. meningkatkan **keberadaan (omnipresence)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang kondusif dan beretika dalam usaha melindungi pengguna; dan
- vii. menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Kementerian percaya dengan tindakan penguatkuasaan yang berterusan ini akan dapat mengawal kenaikan harga sekaligus mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Menjawab soalan oleh Yang Berhormat Limbang mengenai pemantauan pencatutan ke atas harga barangan, pihak Kementerian turut menjalankan pemantauan di kawasan Limbang dan Sarawak keseluruhannya. Sehingga 4 Oktober 2018, sebanyak **115 pemeriksaan premis** telah dijalankan di daerah **Limbang** melibatkan sejumlah **2,300 barangan** manakala sebanyak **627 pemeriksaan premis** perniagaan dengan jumlah **18,753 barangan** telah dijalankan bagi seluruh Negeri Sarawak.

Sementara itu, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Ketereh mengenai penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997 dalam memastikan kenaikan harga barang selepas pelaksanaan SST dapat diminimumkan, ianya bukanlah suatu peraturan yang bertujuan untuk mengekang kenaikan harga barang, tetapi ia digubal bagi mengawalselia aktiviti-aktiviti perniagaan jualan murah supaya penawaran diskaun melalui apa-apa medium pengiklanan oleh peniaga benar-benar sah dan bukan sekadar gimik yang boleh memperdayakan pengguna.

Dalam pada itu, Kementerian juga memerlukan kerjasama rakyat untuk menggunakan hak dan kuasa sebagai pengguna dengan menyalurkan sebarang aktiviti antipencatutan kepada Kementerian melalui saluran aduan yang disediakan. Saya menyeru Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk bersama-sama Kementerian dengan memberikan maklumat kenaikan harga bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 05

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan air negara, akses air, keselamatan air dan kemampuan air.

SOALAN NO. 05

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KATS sedang dalam tindakan untuk menggubal Dasar Air Negara bagi menyediakan kerangka perancangan dan pelan tindakan air negara yang holistik merentasi pelbagai sektor dan mampan bagi menangani isu-isu dan kelemahan mekanisme sedia ada dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan keselamatan dan kemampanan air negara terjamin.
2. Selain dari itu isu keselamatan dan kemampanan air ini juga berkait rapat dengan hal ehwal tanah dan sumber asli setiap negeri. Oleh itu, di bawah Kementerian ini semua aspek pemuliharaan hutan, biodiversiti, perlindungan kawasan tadahan dan guna tanah yang berkait langsung dengan sumber air dapat diuruskan secara bersepadu bagi menjamin kelangsungan sumber air yang dapat memenuhi keperluan bekalan air rakyat, pengguna, industri dan pembangunan negara ini.
3. Dengan penggabungan fungsi ini juga membolehkan perancangan sumber air negara sama ada air permukaan dan air tanah dibuat

secara bersepadu. Ini bermakna pembinaan empangan, kolam takungan keperluan air tanah dapat diurus secara holistik dengan mengambil kira keperluan untuk bekalan air, pengairan, tebatan banjir. Ini dapat menjamin kemampuan air negara di samping menyumbangkan kepada penggunaan kos yang optimum.

4. Kerajaan juga pada masa sekarang bergerak ke arah satu konsep baru yang dinamakan Pengurusan Permintaan Air (*Water Demand Management*) berbanding dengan kaedah Pengurusan Bekalan (*Supply Management*) **Lampiran 1**. Tumpuan diberikan bagi mengurangkan permintaan bekalan air melalui pelbagai kaedah seperti penggunaan mandatori produk yang cekap air, penerokaan sumber air alternatif, audit kecekapan penggunaan air dan penggunaan sumber air lebih efisien di semua sektor ekonomi seperti domestik, pertanian, penjanaan elektrik.
5. Selain dari itu, sejajar dengan faktor perubahan iklim, Kerajaan juga telah menetapkan dasar baru penerokaan sumber air di mana memberikan tumpuan ke pembinaan kolam takungan di kawasan hilir sungai melalui kaedah '*Off River Storage*', pembinaan ampang jajar (*barrage*), '*horizontal collector well*' dan lain-lain. Ini dapat memberi jaminan sumber air berbanding dengan pembinaan empangan di hulu sungai di mana ia akan menjejaskan alam

sekitar, pada masa yang sama tertakluk juga kepada faktor cuaca yang semakin tidak menentu disebabkan oleh senario perubahan iklim yang semakin ketara.

6. Pada masasama KATS juga bekerjasama Kementerian Kesihatan dalam proses melaksanakan apa yang dikatakan sebagai “Pelan Keselamatan Bekalan Air” (*Water Safety Plan*). Melalui pelan tindakan ini semua operator telah diminta untuk menyediakan satu pelan menyeluruh secara berperingkat mengikut keutamaan loji dan kawasan agihan yang berkaitan bagi mengenal pasti risiko sesuatu loji tersebut dari segi aspek keselamatan sama ada dari segi kualiti dan kuantiti yang boleh menjejaskan perkhidmatan bekalan air. Melalui pelan ini langkah mitigasi telah disediakan bagi setiap risiko yang telah dikenal pasti bagi memastikan tahap keselamatan dan kemampunan bekalan air terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Dari segi aspek operasi perkhidmatan bekalan air pula, KATS melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sentiasa memantau supaya pembangunan infrastruktur bekalan air seperti pembinaan loji rawatan air termasuk sistem agihan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah selaras dengan peningkatan permintaan. Bagi Sabah dan Sarawak, agensi air yang

berkaitan akan memantau infrastruktur bekalan air mengikut perundangan di negeri masing-masing.

8. Dalam hal ini, SPAN telah menetapkan dalam KPI yang perlu dipatuhi dan dicapai oleh operator air supaya rizab margin bekalan air berada di antara 10% sehingga 15% bagi semua negeri bagi memastikan keseimbangan bekalan dan permintaan air dalam pengurusan bekalan dan permintaan air.

Tuan Yang di-Pertua,

1) Pelancaran Dasar Sumber Air Negara (DSAN)

Dasar yang telah diperkenalkan pada tahun 2012 merupakan satu langkah strategik ke arah memastikan keperluan air untuk semua sektor pengguna dipenuhi dari segi kuantiti dan kualiti untuk manusia dan juga alam sekitar. DSAN dilaksanakan berdasarkan tiga prinsip utama iaitu

- i) Jaminan Sumber Air (*Water Resources Security*),
- ii) Kelestarian Sumber Air (*Water Resources Sustainability*) dan
- iii) Urus Tadbir Bersama (*Collaborative Governance*).

2) Pelaksanaan Kajian Berkaitan Dengan Sumber Air

Dua (2) kajian utama berkaitan dengan sumber air yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia **Lampiran 2** adalah :

- i) ***National Water Resource Study (NWRS)*** diterbitkan pada tahun 2011; dan
- ii) ***National Water Balance Management System (NAWABS)*** pula sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada tahun 2020.

Manakala kajian oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) pula adalah seperti berikut:

- i) Kajian Penilaian ke atas Sumber Air Negara disebabkan oleh Kesan Perubahan Iklim (semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak);
- ii) Kajian Bekalan Air Konjuntif (Alternatif) Peringkat Bandaraya untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) (maklumat tambahan seperti di **Lampiran 3**);
- iii) Penyelidikan berkaitan *Total Maximum Daily Load (TMDL)* (maklumat tambahan seperti di **Lampiran 4**); dan
- iv) Kajian pendekatan kawalan di punca bagi menangani dan mengawal masalah pencemaran yang bersifat domestik (*greywater*), minyak (*oil and grease*), sisa makanan (*food waste*), sampah kasar (*solid waste*) dan endapan (*sediment*).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
15 OKTOBER HINGGA 11 DISEMBER 2018

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN :

Minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan pasaran baharu minyak kelapa sawit yang berjaya diteroka oleh Kementerian dalam usaha meningkatkan eksport industri sawit Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pasaran baharu minyak kelapa sawit yang berjaya diteroka oleh Kementerian adalah meliputi beberapa negara di rantau Asia Tenggara dan benua Afrika.

Antara negara pengimport baharu minyak sawit Malaysia adalah Filipina dan Vietnam. Dengan pertambahan populasi dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara-negara tersebut, ianya akan memberi kesan positif terhadap pengeksportan produk minyak sawit Malaysia.

Di benua Afrika, Kerajaan telah mengenal pasti potensi pasaran baharu seperti di Mesir dan Maghribi. Dalam hubungan ini, satu Misi Ekonomi dan Pelaburan ke Mesir dan Maghribi yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Industri Utama telah diadakan pada 22 sehingga 24 September 2018. Misi ini telah berjaya mengukuhkan peluang pasaran dan pelaburan terutamanya dalam sektor komoditi. Hasil daripada misi tersebut, Mesir dan Maghribi yang merupakan pintu kepada pasaran negara-negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah telah menunjukkan minat dan reaksi positif untuk mengimport minyak sawit Malaysia. Secara tidak langsung, pasaran baharu seperti Tunisia dan Libya juga akan berjaya ditembusi melalui Maghribi. Melalui negara Mesir, peluang pasaran minyak sawit ke negara Eropah dijangka akan lebih meningkat.

Selain itu, rantau Asia Tengah juga merupakan antara pasaran baharu minyak sawit Malaysia. Negara-negara seperti Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan dan Tajikistan telah mula mengimport produk minyak sawit dari Malaysia. Pada tahun 2017, Malaysia telah mengeksport 74,763 tan produk minyak sawit ke negara-negara di rantau Asia Tengah. Minyak sawit, minyak isirung sawit dan produk oleokimia merupakan antara produk utama yang dieksport.

Di rantau Asia Selatan pula, Sri Lanka adalah pasaran baharu yang berpotensi untuk diterokai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menangani penyakit barah di Malaysia dan bilakah National Cancer Registry 2011 akan dikemas kini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan memandang serius penyakit kanser. Untuk mengukuhkan program pencegahan dan pengawalan penyakit kanser di Malaysia, Kementerian Kesihatan telah menyediakan Pelan Strategik Kebangsaan Program Kawalan Kanser 2016-2020 atau NSPCCP 2016-2020. Pelan tindakan ini menggariskan dasar-dasar, objektif serta sasaran yang menyeluruh dan merangkumi aspek pencegahan, saringan, pengesanan awal, rawatan, rehabilitasi, penjagaan paliatif, rawatan tradisional dan komplementari serta kajian kanser.

Bagi aspek pencegahan, Kementerian Kesihatan memberi fokus terhadap aktiviti meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan faktor risiko dan pencegahan kanser. Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO agar maklumat dapat disampaikan dengan lebih efektif. Pengukuhan penyebaran maklumat juga dilakukan melalui media sosial.

Selain itu, beberapa strategi utama yang berimpak tinggi telah digariskan untuk pencegahan kanser. Di antaranya, memantapkan aktiviti pencegahan faktor risiko kanser dan penyakit tidak berjangkit (NCD) lain di sekolah, komuniti dan tempat kerja dan perluasan tempat-tempat awam sebagai tempat dilarang merokok.

Pencegahan kanser dari segi pemberian vaksin hepatitis dan HPV melalui Jadual Imunisasi Program Imunisasi Kebangsaan juga diberi keutamaan.

Kementerian Kesihatan juga melakukan perluasan aktiviti saringan awal penyakit kanser. Sebagai contoh, Kerajaan telah menyediakan program saringan kanser serviks kebangsaan yang bermula pada tahun 1995. Kerajaan juga menyediakan saringan kanser payudara seperti mammogram secara percuma untuk wanita-wanita yang berisiko tinggi dan layak. Pada tahun 2014 pula, KKM telah memulakan program saringan kanser kolorektal.

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan turut memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan, penyediaan perkhidmatan dan prasarana untuk rawatan, penjagaan paliatif dan rehabilitasi. Di samping itu, rawatan berdasarkan *evidence-based protocols* adalah perkara yang sentiasa dititik beratkan dalam aspek rawatan. NSPCCP 2016-2020 juga memberi fokus kepada perkhidmatan psikososial pesakit.

Institut Kanser Negara dibina khas untuk memberikan kemudahan khusus dalam rawatan dan perubatan bagi pesakit-pesakit kanser. Ia bertujuan bagi menangani segala keperluan yang semakin meningkat berkaitan dengan isu-isu kanser dalam negara.

Pemantauan pencapaian bagi sasaran NSP-NCD 2016-2025 akan dilaksanakan menerusi Tinjauan Morbiditi Kesihatan Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan 4 tahun sekali dan akan dinilai pada tahun 2025. Selain itu, laporan National Cancer Registry Malaysia bagi tahun 2012 hingga 2016 juga bakal diterbitkan pada bulan Februari 2019.

Jabatan Registri Kanser Kebangsaan, Institut Kanser Negara telah menerbitkan Laporan Registri Kanser Kebangsaan 2007-2011 pada bulan Jun 2016. Laporan tersebut telah dimuat naik di laman sesawang Institut Kanser Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk rujukan umum. Manakala Laporan Registri Kanser Kebangsaan 2012-2016 dijangka siap pada bulan Februari 2019.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAJ]

TARIKH : 17.10.2018 (RABU)

SOALAN NO.8

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bilangan guru-guru kontrak yang masih bekerja di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) berkenaan di seluruh negara; dan
- (b) jumlah bayaran imbuhan sebanyak 17 peratus daripada jumlah elaun tahunan yang telah dilangsaikan kepada guru-guru kontrak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Ada dua soalan berkaitan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pertama, berkaitan dengan guru kontrak. Untuk makluman, SABK adalah berasal dari sekolah agama rakyat atau sekolah swasta. Kemudiannya sekolah-sekolah tersebut diberi bantuan oleh kerajaan setelah mendaftar sebagai SABK dengan syarat-syarat yang dipersetujui dalam Perjanjian Persefahaman (MoU), syarat utama adalah menggunakan kurikulum kebangsaan. Guru-guru di SABK ada yang menjawat jawatan tetap dan kontrak (*contract of service*). Sebelum sekolah-sekolah tersebut mendaftar sebagai SABK, KPM ada membekalkan guru-guru untuk mengajar subjek-subjek kritikal.

Sehingga 30 September 2018, jumlah SABK seluruh negara adalah sebanyak 221 buah dengan pecahan 41 sekolah rendah dan 180 sekolah menengah. Jumlah guru di SABK di seluruh negara yang dilantik sebagai guru tetap adalah seramai 8,702 dan jumlah guru yang dilantik sebagai guru kontrak yang menggunakan perjawatan sedia ada adalah seramai 502 orang. Pelanjutan kontrak guru SABK mengambil kira syarat asas iaitu lulus ujian kesihatan dan mencapai tahap prestasi yang telah ditetapkan.

- b) Berkaitan soalan kedua pula, saya ingin membetulkan soalan yang diajukan terlebih dahulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran yang diberi kepada guru kontrak SABK adalah berbentuk ganjaran dan bukan imbuhan. Ganjaran ini pula bukan 17 peratus dari jumlah elaun tahunan, tetapi 17.5 peratus daripada gaji akhir untuk tempoh kontrak. Kontrak lazimnya hendaklah dalam tempoh dua tahun. Secara purata KPM membayar sebanyak RM550,000.00 setahun untuk tujuan ganjaran guru-guru kontrak SABK. Pendekatan ini diambil bagi memastikan kebajikan guru-guru kontrak tidak terabai.

RJM14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN 9

YB Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pemerkasaan sektor pelancongan di Sabah, terutama industri ekopelancongan selaras dengan kunjungan lebih 3.7 juta pelancong yang membawa kepada nilai perbelanjaan keseluruhan lebih RM8 bilion di negeri “Di Bawah Bayu” ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memperkasakan sektor ekopelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah membangunkan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025. Bagi negeri Sabah, sebanyak lapan (8) kluster ekopelancongan yang berpotensi telah dikenalpasti seperti berikut:

1. Kota Kinabalu-Papar-Beaufort-Klias-Kuala Penyu-Menumbok-Sipitang-Long Pasia;
2. Sandakan-Kinabatangan;
3. Kota Kinabalu-Kota Belud-Kota Marudu-Kudat;
4. Kota Kinabalu-Tambunan-Crocker Range Park-Keningau-Tenom;
5. Kota Kinabalu-Tamparuli-Kundasang-Ranau;
6. Maliau Basin-Imbak Canyon;
7. Danum Valley-Tabin (Lahad Datu); dan
8. Tawau-Semporna-Mabul-Sipadan-Kunak.

Khusus bagi daerah Tenom, Kluster Ekopelancongan Kota Kinabalu-Tambunan-Crocker Range Park-Keningau-Tenom yang melibatkan produk-produk pelancongan seperti Taman Negara Banjaran Crocker, *Kipandi Butterfly Park*, Tamu Keningau, *Keningau Craft Centre* dan *Sabah Agriculture Park* telah dikenalpasti untuk dipromosikan ke seluruh dunia. Justeru, pihak swasta seperti agensi-agensi pelancongan telah dan sedang bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha produk pelancongan dalam membangunkan pakej-pakej pelancongan bagi kluster tersebut. Ia kemudiannya akan dipromosi dan dijual kepada agensi-agensi pelancongan luar negara menerusi pameran-pameran galakan pelancongan.

NO SOALAN: 9

Pada masa yang sama, bagi terus memperkasakan segmen ekopelancongan, Kementerian juga bekerjasama dengan persatuan-persatuan ekopelancongan seperti *Kiulu Tourism Association* dan Institusi Pengajian Tinggi dalam mengadakan projek *video blog (vlog) Volunsharing Kiulu Nature/Adventure* pada 20 hingga 22 September 2018. Ia merupakan pendedahan kepada pengusaha produk ekopelancongan luar bandar tentang kaedah mempromosikan produk mereka tanpa sebarang kos.

Menerusi pembangunan kluster-kluster ekopelancongan ini juga, aktiviti ekopelancongan berasaskan komuniti atau *Community-Based Tourism (CBT)* diberi fokus terutamanya program homestay yang dapat dikembangkan serta dipromosi secara holistik. Pada masa yang sama destinasi-destinasi ekopelancongan di kluster ini boleh dipromosikan bersama sebagai destinasi pelancongan bersepadu.

Selain itu, MOTAC melalui Tourism Malaysia (TM) sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Pelancongan Sabah (STB) dalam mempromosi pelancongan ke Sabah. Antara program yang dilaksanakan adalah:

- i. Penyertaan STB dan penggiat industri pelancongan Sabah di pameran-pameran galakan pelancongan dan misi galakan yang dianjurkan oleh TM dan pihak swasta. Antaranya adalah *International Tourism Bourse (ITB)-Berlin*, *World Travel Market (WTM)-London*, *Sabah Roadshow-Australia*, *Sabah Roadshow-Tokyo*, *Sabah Roadshow-Korea* dan *International Travel Fair (ITF)-Taipei*, *MATTA Fair Sabah* dan *MATTA Fair Kuala Lumpur*;
- ii. TM dan STB juga bekerjasama dengan syarikat penerbangan dalam menaja program *Mega-Fam (Mega Familiarization)* bagi membolehkan pihak media serta penggiat industri pelancongan seluruh dunia untuk merasai sendiri keindahan dan keunikan Negeri Sabah dan menterjemahkannya dalam bentuk penulisan. Program ini juga diperluaskan kepada penerbit-penerbit rancangan televisyen dan *blogger* antarabangsa bagi membantu mempromosikan produk-produk pelancongan di Sabah; dan

NO SOALAN: 9

- iii. Penerbitan risalah negeri Sabah termasuk maklumat tarikan-tarikan pelancongan dan acara-acara pelancongan. Risalah ini diedarkan melalui pejabat-pejabat TM dalam dan luar negeri, pameran-pameran pelancongan domestik dan antarabangsa serta boleh diakses secara digital di serata dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 10

Y.B. TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah komitmen Kerajaan dalam memastikan Tabung Harapan akan melalui proses audit bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan dalam tadbir urus tabung tersebut; dan
- (b) siapakah individu yang diberikan tanggungjawab menjadi penandatangan bagi akaun Tabung Harapan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan:

- a. Di bawah Perlembagaan Persekutuan yang diperincikan melalui Akta Audit 1957 telah menetapkan bahawa mandat audit bagi pengauditan ke atas semua transaksi kewangan Kerajaan termasuklah Tabung Harapan Malaysia (THM) adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab

NO SOALAN : 10

sepenuhnya Jabatan Audit Negara (JAN). Sehubungan itu, THM juga akan melalui proses pengauditan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam peraturan yang berkuat kuasa tersebut.

- b. Bagi memastikan pengurusan THM adalah teratur dan telus, THM ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun Amanah di mana pengerusi adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan ahli-ahli adalah terdiri daripada wakil-wakil bahagian/jabatan di bawah Kementerian Kewangan. Pengendalian operasi Akaun Amanah THM ini adalah tertakluk kepada Arahan Amanahnya, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa. Pengurusan Akaun Amanah THM ini juga dikawal selia secara berkala oleh Akauntan Negara Malaysia dan Ketua Audit Negara melalui Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun.
- c. Sebuah syarikat perakaunan antarabangsa juga akan dilantik untuk mengaudit THM. Akhir sekali, sehingga 16 Oktober 2018, 3 petang, jumlah sumbangan adalah RM196,066,276.16.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan dalam masa terdekat untuk memindahkan semua klinik-klinik kesihatan yang sedang beroperasi di bangunan-bangunan rumah kedai terutamanya yang tidak mempunyai kelulusan keselamatan daripada pihak berkuasa bomba dan menyediakan bangunan yang lebih baik untuk keselesaan pesakit terutamanya bagi kawasan yang bertambah kepadatan penduduknya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2011, sebarang pengoperasian sama ada bangunan sendiri atau menyewa premis, baru atau pun penyambungan sewaan ruang pejabat memerlukan kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Sehingga kini, daripada 1001 KK seluruh negara hanya 28 Klinik Kesihatan (KK) yang beroperasi di bangunan rumah kedai dan hanya 2 KK sahaja yang dalam proses untuk mendapat kelulusan bomba. Bagi Klinik 1Malaysia (Klinik Komuniti), semua Klinik 1Malaysia yang memerlukan sewaan telah mempunyai kelulusan bomba kerana ia merupakan keperluan dokumen proses sewaan.

NO SOALAN: 11

Sungguhpun demikian, perkhidmatan di premis sewaan lot kedai sewajarnya dipindahkan ke premis hak milik Kerajaan yang lebih baik dan selesa untuk pelanggan dan anggota kesihatan. Bagaimanapun, ia menjadi kesukaran untuk mendapatkan lot tanah dengan keluasan yang bersesuaian terutamanya di kawasan bandar yang berkepadatan tinggi.

Walau bagaimanapun, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan KKM sentiasa berusaha dalam mendapatkan tanah untuk pembinaan klinik kesihatan yang sesuai untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan berkualiti kepada penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan (KK) Sungai Lalang di bawah pentadbiran Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Muda (Parlimen Merbok) merupakan satu-satunya KK yang beroperasi di rumah kedai. Pada tahun 2007, klinik ini beroperasi dengan 2 lot rumah kedai secara sewaan dan telah ditambah kepada 4 lot rumah kedai pada tahun 2014. Kelulusan bomba telah diperolehi setiap kali proses pembaharuan sewaan.

Pada tahun 2018, terdapat **74168** penduduk di kawasan ini. Anggaran kedatangan pesakit ke klinik adalah **400** sehari. Dengan pertambahan penduduk dan peningkatan bilangan pesakit ke KK Sungai Lalang, satu klinik kesihatan jenis 3 perlu diwujudkan. Tanah untuk pembinaan klinik baru telah dikenalpasti dan sedang dalam proses untuk permohonan pengambilan tanah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE
[KOTA TINGGI]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO.12

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sehingga kini berapakah jumlah hutang peneroka FELDA yang telah diselesaikan dan apakah pelan bagi menyelesaikan isu perumahan tergendala yang dijanjikan akan diselesaikan dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 106,695 orang atau 94.7% daripada keseluruhan peneroka FELDA telah selesai membayar balik hutang Pembangunan Asal dan majoritinya telah pun mendapat geran hak milik tanah masing-masing. Sejak FELDA ditubuhkan, jumlah keseluruhan hutang yang telah dibayar oleh peneroka FELDA sehingga September 2018 adalah RM 3.5 bilion.

Pembangunan tanam semula perlu dilaksanakan apabila ladang tidak lagi ekonomik iaitu pengeluaran hasil rendah dan perbelanjaan kos operasi tinggi. Daripada aspek fizikal tanaman, pokok sawit telah berusia 25 tahun di mana ketinggian pokok melebihi 40 kaki. Majoriti peneroka memerlukan FELDA untuk menanam semula disebabkan faktor kewangan, kemahiran dan tenaga untuk melaksanakan kerja penanaman semula. Namun, tidak dinafikan terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri.

Peneroka yang memilih untuk menanam semula dengan FELDA akan menyebabkan mereka berhutang kembali dengan FELDA. Di samping kos menanam semula dan kos penjagaan kebun, peneroka juga diberi pinjaman sara hidup dan pinjaman pendahuluan hasil bagi membiayai perbelanjaan harian semasa tempoh tanam semula ini. Setelah berhasil dan telah dimuktamadkan jumlah hutang tanam semula, peneroka akan membuat bayaran kembali hutang tersebut sehinggalah selesai sebelum melaksanakan tanam semula yang berikutnya.

Berkaitan isu perumahan tergendala, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memberi peluang generasi baharu FELDA memiliki kediaman yang selesa, FELDA telah mewujudkan program Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) sebanyak 8,314 unit di 38 tapak di

dalam Tanah Rancangan FELDA. Sehingga kini sebanyak 1,234 unit yang telah siap sepenuhnya di enam (6) tapak projek. Manakala sebanyak 21 tapak di peringkat pembinaan dan 11 tapak projek adalah terbengkalai.

FELDA telah menyusun semula semua kerja pembinaan di tapak projek. Mana-mana tapak yang hampir siap dan nilai baki kerja yang kecil akan disiapkan sepenuhnya. Perbincangan diadakan bersama Pentadbir Tanah Negeri untuk membantu mempercepatkan proses kelulusan permohonan hak milik rumah PGBF bagi membolehkan penjualan rumah dilaksanakan. Penyusunan semula kerja penyiapan dan penjualan rumah ini dilakukan bagi membolehkan hasil jualan digunakan untuk menampung perbelanjaan pembinaan di tapak yang masih berjalan. Ia akan dapat membantu dalam perbelanjaan pembangunan FELDA yang kini menghadapi masalah kedudukan kewangan semasa yang amat kritikal.

Sekian, terima kasih.
17 Oktober 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah Naib Canselor di seluruh negara yang beragama bukan islam di IPTA dan IPTS serta apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mencerminkan kepelbagaian kebudayaan serta kepercayaan agar dapat berdiri sama tinggi bersama di kalangan masyarakat Malaysia yang kini dilihat sebagai Malaysia Baharu dan yang benar-benar membawa perubahan dan bukan sekadar retorik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keanggotaan pengurusan Universiti Awam (UA) adalah terbuka kepada semua kaum tanpa ada diskriminasi. Ini adalah selaras dengan Jadual Pertama, Seksyen 5 Akta Universiti dan Kolej Universiti yang memperuntukkan bahawa keanggotaan universiti adalah terbuka kepada semua tanpa mengira jantina, agama atau bangsa. Kepelbagaian kaum dalam pengurusan UA adalah sangat penting bagi menjamin hala tuju pendidikan negara seimbang dan gemilang.

Bagi tujuan ini juga Jawatankuasa Tetap Carian Naib Canselor telah dilantik untuk mencari calon terbaik untuk menerajui dan menentukan halatuju universiti demi mempertingkatkan pencapaian sehingga menjadi tersohor di persada antarabangsa berdasarkan calon-calon yang dikemukakan oleh Senat Universiti dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).

Bagi sektor pendidikan tinggi swasta, jawatan Naib Canselor adalah jawatan yang diwujudkan di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang bertaraf Kolej Universiti dan Universiti sahaja. Permohonan pendaftaran Naib Canselor atau Ketua Eksekutif di IPTS adalah mengikut Akta 555 seksyen 31 dengan mengisi borang D, Peraturan Pendaftaran 1997. Di dalam borang D tersebut maklumat berkaitan agama tidak dinyatakan. Pemilihan Naib Canselor adalah tanpa mengira latar belakang agama tetapi mengikut kelayakan akademik dan piawaian yang ditetapkan.

RJM13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI**
ZAKARIA [PARIT]
TARIKH : **17 OKTOBER 2018 (RABU)**

SOALAN NO.14

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:

- a) berapakah jumlah sungai yang dikenal pasti sebagai tercemar di Malaysia; dan
- b) apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi memulihara sungai-sungai yang tercemar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pada tahun 2017, daripada 477 sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), 51 sungai adalah dikategorikan sebagai tercemar.
- b) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil pelbagai tindakan untuk menangani isu pencemaran sungai seperti berikut:
 - i. Bagi kawalan pelepasan efluen dari industri, pihak Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau pelepasan dari punca-punca yang jelas di bawah bidang kuasa JAS seperti kilang kelapa sawit dan pelepasan kumbahan dari sistem pengolahan kumbahan berpusat di kawasan taman perumahan dan pusat-pusat komersil;
 - ii. Penguatkuasaan dan pemantauan secara berkala ke atas sungai-sungai yang berisiko tinggi tercemar sememangnya dikawal meliputi semua aspek dari peringkat perancangan penempatan industri, penguatkuasaan berterusan, pengawasan dan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar;
 - iii. Bagi pengurusan aduan pencemaran, JAS menyediakan *hotline* untuk kegunaan orang awam menyalurkan sebarang bentuk aduan pencemaran alam sekitar termasuk pencemaran sungai. Setiap aduan akan disiasat dan dilaporkan kembali kepada pengadu. Sekiranya aduan berasas dan di bawah bidang kuasa JAS, maka tindakan penguatkuasaan susulan melalui undang-undang akan diambil dan sekiranya bukan di bawah bidang kuasa JAS, maka pihak-pihak yang berkaitan akan dirujuk untuk diambil tindakan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan seumpamanya. Tambahan pula JAS juga menjalankan

operasi bersepadu dengan agensi-agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan seperti Pejabat Tanah dan/atau Majlis Tempatan dan Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (BAKAJ);

- iv. Kementerian ini juga dalam proses untuk mengeluarkan satu Garis Panduan Merawat Air Buangan Najis Ayam dan Pengurusan Sisa Buangan yang mana garis panduan ini akan menyediakan satu konsep iaitu kaedah rawatan asas yang perlu disediakan oleh semua pengusaha aktiviti pemprosesan najis ayam agar di akhir proses rawatan ini air kumbahan yang dikeluarkan akan dapat memenuhi standard yang ditetapkan dan tidak mengganggu aktiviti-aktiviti hiliran terutama loji rawatan air bagi perbekalan air mentah kepada pengguna. Sebelum ini JAS telah mengeluarkan dua garis panduan berkaitan penternakan iaitu:
 - (a) Garispanduan Kawalan Pencemaran daripada Aktiviti Penternakan Lembu Pedaging; dan
 - (b) Garispanduan Kawalan Pencemaran daripada Aktiviti Penternakan Babi.
- v. Jabatan Alam Sekitar juga sentiasa mempertingkatkan program-program kesedaran dan pendidikan mengenai kepentingan pemeliharaan sungai melalui program Bandar Lestari, Sekolah Lestari, Rakan Alam Sekitar, Wira Alam, Debat Alam Sekitar, River Ranger dan lain-lain serta mempromosikan kesedaran alam sekitar melalui bahan-bahan penerbitan seperti majalah Era Hijau dan Impak.

Tanggungjawab menjaga kebersihan sungai terletak di bahu semua pihak berkepentingan dan anggota masyarakat. Kerjasama dan komitmen dari semua pihak termasuk agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah penting untuk memastikan sungai-sungai di negara kita sentiasa bersih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)**

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan laporan terperinci kes-kes keracunan minuman beralkohol palsu dalam negara. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi dan mengelakkan masalah ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Keracunan arak atau khususnya keracunan metanol berlaku apabila minuman beralkohol yang diminum mengandungi metanol dalam dos yang toksik. Metanol boleh hadir dalam kuantiti yang toksik akibat proses distilasi minuman beralkohol yang tidak sempurna atau metanol dicampur ke dalam minuman beralkohol sebelum diminum. Keracunan metanol biasanya dikaitkan dengan minuman beralkohol yang dikilang secara tidak sah, kerana kebiasaanya metanol dicampur ke dalam minuman tersebut sebagai pengganti etanol. Ini adalah kerana harga metanol yang secara relatif lebih murah berbanding etanol.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima sebanyak 98 notifikasi kes-kes keracunan metanol sehingga 5 Oktober 2018 ini. Daripada keseluruhan jumlah pesakit ini, 47 orang telah didapati meninggal dunia. Hasil ujian klinikal juga mendapati bahawa majoriti kes telah didapati positif keracunan metanol. Daripada siasatan yang dijalankan kepada pesakit, ahli keluarga dan juga rakan-rakan pesakit, kebanyakan daripada pesakit tersebut telah mengambil minuman keras dalam jangka masa lebih kurang lima (5) hari sebelum mengalami gejala dan tanda-tanda keracunan metanol. Seramai 75 orang yang mengalami keracunan metanol ini adalah warganegara asing daripada pelbagai negara seperti Nepal, Myanmar, Bangladesh, India dan Indonesia manakala 23 orang adalah warga tempatan. Dipercayai pesakit-pesakit tersebut mengalami keracunan akibat meminum minuman beralkohol yang mengandungi metanol.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan menyebarkan maklumat melalui media sosial, media massa, edaran risalah, poster, nasihat dan ceramah kepada golongan sasaran terutamanya dalam kalangan warga asing yang bekerja di pelbagai sektor di Malaysia. KKM juga telah bekerjasama

dengan pihak Kedutaan untuk menterjemah risalah atau maklumat berkaitan keracunan metanol ke bahasa asing yang berkaitan. Agensi-agensi Kerajaan lain yang turut bekerjasama dengan KKM adalah termasuk Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Luar Negeri serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk memastikan kejadian keracunan metanol ini tidak berulang, KKM menasihatkan pengguna untuk memastikan makanan atau minuman yang dibeli mematuhi syarat-syarat perlabelan makanan seperti maklumat pengeluar, pengimpot, agen dan juga penyenaian bahan ramuan. Pengguna juga disarankan untuk tidak membeli minuman yang dijual di premis-premis yang tidak dilesenkan atau dijual dengan harga yang sangat murah dan juga minuman beralkohol yang diproses sendiri (*home-brewed*).

Penguatkuasaan Akta Makanan 1983 di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985 juga dipertingkatkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan untuk memastikan pematuhan mengikut standard yang telah ditetapkan bagi minuman-minuman beralkohol yang dijual di pasaran. Ini melibatkan aktiviti pemeriksaan di premis jualan dan kilang termasuk mengambil sampel dan analisis bagi memastikan ia mematuhi standard dan pelabelan. Bagi produk yang didapati melanggar perundangan makanan, tindakan penyitaan dan rampasan serta pengeluaran notis kompaun dilaksanakan.

Sehingga 5 Oktober 2018, sejumlah 2,434 buah premis yang menjual minuman beralkohol telah diperiksa di mana 35,418 botol minuman tersebut dengan jumlah sitaan bernilai RM603,046.19 telah disita dan sejumlah 62 notis kompaun telah dikeluarkan kerana tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Yang di-Pertua,

Pengawalan ke atas penjualan minuman beralkohol juga turut dijalankan oleh agensi-agensi lain yang berkaitan mengikut bidang kuasa dan perundangan agensi masing masing. Sebagai contohnya penjualan arak dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176) serta peraturan yang dibuat di bawahnya, manakala di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terdapat Lembaga Pelesenan Arak yang mengawalselia pelesenan penjualan arak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO.16

Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak sekolah daif di Sri Aman telah dibaik pulih sehingga 2018. Adakah keutamaan akan diberikan kepada SK Batu Lintang Undop, Sri Aman yang telah dilanda bencana ribut kencang 2 tahun lepas yang sehingga kini belum dibaiki oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), terdapat empat (4) buah sekolah daif di Bahagian Seri Aman telah siap dinaik taraf menggunakan *Industrialised Building System* (IBS) iaitu SK Balai Ringin, SK Bakong, SK Selepong dan SK Nanga Skrang. Sebuah lagi sekolah iaitu SMK Simanggang sedang dalam proses pembinaan yang melibatkan pembinaan blok bangunan baharu bagi menggantikan bangunan yang telah musnah dalam kebakaran pada 8 Julai 2014.

Bagi SK Batu Lintang Undop, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan blok akademik tiga (3) bilik darjah telah siap pada 29 Ogos 2018 dengan kos RM200,001.00 dan sedia untuk diduduki pada bulan September 2018.

RJM13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] – PH
DAP**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN : 17

PR-1412-L02338

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian untuk memastikan rakyat dapat menggunakan perkhidmatan unifi, memandangkan banyak bahagian di Parlimen Rasah yang tiada perkhidmatan unifi walaupun ia adalah kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahan liputan perkhidmatan Unifi telah dilaksanakan secara berperingkat. Sehingga penghujung bulan September 2018, Telekom Malaysia Berhad (TM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menaiktaraf perkhidmatan telekomunikasi sedia ada kepada perkhidmatan Unifi di seluruh Negeri Sembilan termasuklah di kawasan Parlimen Rasah.
2. Perkhidmatan jalur lebar Unifi di Parlimen Rasah telah bermula sejak tahun 2015 melalui inisiatif Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (*High Speed Broadband* - HSBB) Fasa II. Sehingga kini, perkhidmatan UniFi telah tersedia di 72 kawasan perumahan dan perniagaan yang meliputi lebih 50 peratus daripada seluruh kawasan Parlimen Rasah.
3. Bagi memastikan capaian Unifi dapat disediakan secara meluas di seluruh negara, ianya memerlukan pembinaan infrastruktur dan pemasangan jaringan gentian optik secara komprehensif. Pihak Telekom Malaysia (TM) sentiasa mengadakan kajian permintaan di kawasan baharu yang masih belum ada sebarang infrastruktur jalur lebar tetap dan juga kawasan yang telah tersedia dengan perkhidmatan jalur lebar tetap namun memerlukan penambahbaikan dari segi infrastruktur bagi membolehkan perkhidmatan Unifi disediakan di kawasan tersebut.
4. Namun, pihak TM tidak mempunyai sebarang dasar penetapan terhadap bilangan pemohon kepada permintaan penduduk di sesuatu kawasan atau taman yang memerlukan perkhidmatan pemasangan Unifi. Pemberian perkhidmatan telekomunikasi di sesuatu kawasan bergantung sepenuhnya kepada kesediaan infrastruktur telekomunikasi di kawasan yang berkaitan. Sebagai sebuah syarikat, TM sememangnya akan menyediakan perkhidmatan telekomunikasinya untuk dijual dan dilanggani oleh

orang ramai dan bukan hanya memberikan perkhidmatan secara rawak atau memilih sesuatu kawasan tanpa perancangan.

5. Untuk membolehkan kerja-kerja penyediaan dan perkhidmatan infrastruktur Unifi dijalankan, pihak TM memerlukan maklumat jumlah permohonan terhadap perkhidmatan ini bagi memastikan muatan talian perkhidmatan yang disediakan adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan di kawasan terbabit. Ini juga untuk memastikan tiada pembaziran terhadap kos pembangunan infrastruktur telekomunikasi dan perancangan modal pembangunan dapat diselaraskan dengan cekap dan berkesan.
6. Bagi Parlimen Rasah, terdapat beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan liputan jalur lebar talian tetap. Antaranya ialah projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2017 yang melibatkan penaiktarafan 3 buah ibusawat di Parlimen Rasah.
7. Sehingga bulan September 2018, terdapat 2 buah ibusawat di Parlimen Rasah yang telah siap dinaiktaraf. Oleh itu, sebahagian lagi penduduk di kawasan ini akan dapat menikmati perkhidmatan Unifi yang akan ditawarkan oleh pihak TM selaku syarikat yang telah dilantik bagi melaksanakan projek ini.
8. Pihak TM sentiasa menyemak keperluan permintaan terhadap perkhidmatan Unifi ini serta membuat perancangan yang teliti supaya penyediaan perkhidmatan dapat diberikan dengan cepat dan memenuhi permintaan di kawasan setempat. Isu berkaitan yang ditimbulkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat dapat diselesaikan sekiranya di kawasan terbabit mempunyai muatan talian perkhidmatan yang mencukupi serta perkhidmatan Unifi sememangnya disediakan di kawasan penempatan yang berkenaan. Oleh yang demikian, pihak TM memerlukan maklumat lanjut berkaitan dengan isu ini, dan diharap pihak Yang Berhormat sudi untuk menyalurkan maklumat yang berkaitan kepada pihak berkenaan untuk semakan dan tindakan susulan.

SOALAN NO : 18

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH

KAWASAN : LIMBANG

TARIKH : 17 OKTOBER 2018, RABU

SOALAN :

YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dapatkah Kerajaan menaik taraf sebahagian Jalan Persekutuan (*Federal Trunk Road*) yang sedia ada di Limbang disebabkan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo telah ditangguhkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian kini sedang menjalankan penelitian teknikal dan kewangan bagi jajaran alternatif Fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam. Manakala cadangan menaiktaraf sebahagian Jalan Persekutuan (Federal Trunk Road) yang sedia ada di Limbang akan turut dipertimbangkan untuk dilaksanakan, tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG, PH – PKR]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

NO. SOALAN : 19

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini rundingan damai di Selatan Thailand selepas Rahim Noor dilantik sebagai fasilitator keamanan.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

YBhg. Tan Sri Abdul Rahim bin Mohd Noor telah dilantik sebagai Fasilitator Kerajaan Malaysia bagi Proses Dialog Damai Selatan Thailand berkuatkuasa pada 4 Ogos 2018.

Sejak dilantik ke jawatan tersebut, beliau telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan semua pihak berkepentingan atau disebut sebagai “Pihak yang mempunyai pandangan berbeza dengan Kerajaan Thailand”. Pihak ini menyertai panel kumpulan gerakan pejuang di Thailand dalam Proses Dialog Damai. Proses Dialog Damai ini merupakan satu inisiatif bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Thailand yang dilaksanakan melalui Konsensus Am dan telah dimulakan sejak 28 Februari 2013.

Pada akhir bulan September 2018, Fasilitator Kerajaan Malaysia dan Sekretariat Kumpulan Kerja Proses Dialog Damai Selatan Thailand juga telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan Thailand termasuk Jeneral Prawit Wongsuwan, Timbalan Perdana Menteri Thailand merangkap Menteri Pertahanan Thailand yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan konflik berdarah dan isu-isu yang timbul di wilayah selatan Thailand.

Perkembangan terkini rundingan damai di Selatan Thailand telah dilaksanakan berdasarkan mandat yang diberikan oleh YAB Perdana

Menteri, Fasilitator Kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri dan *Office of the National Security Council of Thailand* di mana YBhg. Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor telah menyampaikan cadangan pelan tindakan dan strategi-strategi beliau kepada kedua-dua pihak yang berada di meja dialog bagi meneruskan kelangsungan Proses Dialog Damai Selatan Thailand.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 20

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL

KAWASAN : BUKIT GANTANG

TARIKH : 17 OKTOBER 2018, RABU

SOALAN :

YB DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) apakah jaminan yang boleh diberi oleh Kerajaan bagi menyiapkan Lebuhraya Pantai Barat (Banting Ke Changkat Jering, Taiping); dan

(b) projek naik taraf laluan FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering. Berdasarkan semakan dengan Kementerian Kerja Raya, Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan, projek FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering (Pakej 1) yang sepatutnya siap pada 31 Ogos 2018 telah tertangguh dan kemajuan fizikal semasa adalah 45.0 % (S)/ 44.0 % (J) manakala FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering (Pakej 2A) yang dijangka siap pada 16 Oktober 2018 juga akan tertangguh siap kerana kemajuan fizikal semasa adalah 49.0 % (S)/ 34.0 % (J).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Perjanjian Konsesi di antara pihak Kerajaan dan Syarikat Konsesi West Coast Expressway Sdn Bhd, adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya syarikat konsesi untuk menyiapkan jajaran Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, sebarang kelewatan untuk menyiapkan kerja pembinaan, pihak Kerajaan akan membuat penilaian dan pertimbangan sewajarnya ke atas punca-punca kelewatan dan mengambil tindakan berdasarkan Perjanjian Konsesi bagi memastikan projek ini dapat disiapkan oleh Syarikat Konsesi.

Berkaitan dengan Projek Naiktaraf FT60 Dari Damar Laut ke Changkat Jering (Pakej 1 & 2A) di bawah Kementerian Kerja Raya pula, status terkini masih dalam tempoh pembinaan. Pelaksanaan projek ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10). Tarikh siap asal Projek Naiktaraf FT60 Dari Damar Laut ke Changkat Jering (Pakej 1) pada 31 Ogos 2018 manakala Pakej 2A pada 16 Oktober 2018. Pelaksanaan kontrak pembinaan bagi kedua-dua pakej ini telah memperolehi kelulusan Lanjutan Masa (*Extention of Time, EOT No.1*) berikutan isu pengambilan balik tanah yang belum selesai.

Tarikh siap semasa projek bagi Pakej 1 adalah pada 24 September 2019. Status kemajuan fizikal terkini (pembinaan) sehingga 30 September 2018 telah mencapai 50% berbanding jadual 44%, mendahului jadual 6% (Awal 42 hari). Manakala Pakej 2A, tarikh siap semasa projek ini adalah pada 28 Februari 2020. Status kemajuan fizikal terkini (pembinaan) sehingga 30 September 2018 telah mencapai 50% berbanding jadual 36%, mendahului jadual 14% (Awal 60 hari).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATIN LINDA TSEN THAU LIN (BATU SAPI)

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN : 21

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pada 11 September lalu rakyat Sabah dikejutkan lagi dengan insiden penculikan dua warga Indonesia di perairan Pulau Bodgaya, Semporna. Maka, apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan perkara seumpama ini tidak berulang, termasuk dalam hal menyediakan peruntukan bagi meningkatkan lagi kelengkapan serta aset yang mencukupi kepada Pihak Berkuasa di Kawasan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) untuk menjalankan tugas yang diamanahkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Keadaan keselamatan di Kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZone) adalah dalam keadaan terkawal dan operasi bersepadu di kalangan agensi penguatkuasa berterusan seperti biasa. Sejak ESSCOM ditubuhkan tiada lagi insiden pencerobohan berlaku sehinggalah insiden penculikan dua orang warga Indonesia di perairan Pulau Bodgaya, Semporna pada 11 September 2018.

ESSCOM merangka pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu bagi memperkemaskan bentuk kawal selia di perairan ESSZone. Antaranya termasuklah:

- (i) memperkukuhkan penempatan Pasukan Keselamatan di daratan sepanjang ESSZone khususnya di kawasan laluan berisiko tinggi yang telah dikenal pasti;
- (ii) mengatur gerak aset laut di sepanjang perairan ESSZone, khususnya yang berdepan dengan laluan-laluan yang dikenal pasti bagi mewujudkan visual presence and deterrence;
- (iii) mengatur gerakan pasukan khas (special force) dan quick response force ke lokasi-lokasi strategik untuk tindak cepat di samping memperaga kehadiran;
- (iv) mengatur gerak vesel yang dilengkapi dengan sistem pengawasan radar, radar point defence dari 3 buah pulau, sistem kamera jarak jauh, dan pengawasan pesawat udara;
- (v) perkongsian maklumat dan risikan di peringkat taktikal dan operasi baik secara intra-agensi dan juga dengan pasukan perisikan Filipina;
- (vi) melaksanakan operasi-operasi di darat dan laut sebagai usaha pencegahan dan sebagai memperaga kehadiran (show of force);
- (vii) melancarkan operasi-operasi khas menggasak sarang-sarang penjenayah dan tali barut Abu Sayaf Group (ASG) dari semasa ke semasa;
- (viii) memastikan semua bot nelayan dan tugboat memasang Automatic Identification System (AIS) dan alatan komunikasi;
- (ix) melaksanakan Arahan Perintah Berkurung terhadap 10 daerah ESSZone iaitu dari pukul 6 petang hingga 6 pagi;

(x) memberikan taklimat keselamatan kepada orang awam termasuklah penduduk kampung di kawasan terpencil dan berdekatan laut, pemilik-pemilik resort dan chalet, pemilik restoran dan juga pemilik premis perniagaan yang berisiko tinggi; dan

(xi) sentiasa mengkaji semula strategi dan kesesuaian operasi keselamatan dan juga kelengkapan yang sedia ada untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Kerajaan melalui Kerjasama Keselamatan dengan negara jiran seperti kerjasama Trilateral Cooperation Agreement (TCA - INDOMALPHI) antara Pasukan Keselamatan Malaysia, Indonesia dan Filipina dan juga kerjasama Bilateral antara Malaysia dan Filipina, Malaysia dengan Indonesia dan lain-lain sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Esscom telah mengadakan beberapa siri pertemuan dan melaksanakan program RV Trilateral Maritime Patrol (TMP) dan telah dianjurkan lebih 13 kali untuk tahun 2018. Antara aktiviti dan kerjasama yang dilaksanakan adalah perkongsian maklumat semasa terutamanya yang melibatkan aktiviti Kidnapping for Ransom (KFR) dan Abu Sayyaf Group (ASG) di sempadan perairan Malaysia- Filipina.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HJ. JALALUDDIN B. HJ. ALIAS
(JELEBU)**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN : 22

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik jumlah pekerja asing di negara ini mengikut sektor pekerjaan serta apakah mekanisme yang digunakan serta bentuk kerjasama bersama Kementerian Tenaga Manusia bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri ingin memaklumkan bahawa sehingga 30 September 2018, sejumlah 1,892,247 orang pekerja asing tidak mahir direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia melalui pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif. Pecahan statistik tersebut mengikut sektor adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Jumlah Pekerja Asing Yang Dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Aktif Dan Sah Mengikut Sektor Sehingga 30 September 2018

BIL.	SEKTOR	JUMLAH (ORANG)
1.	Perkilangan	672,399
2.	Pembinaan	387,111
3.	Perladangan	278,135
4.	Perkhidmatan	277,459
5.	Pertanian	154,296
6.	Pembantu Rumah	122,847
JUMLAH KESELURUHAN (ORANG)		1,892,247

*Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia
Tarikh Kemas Kini: 1 Oktober 2018*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar utama penggajian Negara masih menetapkan dan mengutamakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Kehadiran pekerja asing di Negara ini hanyalah untuk mengisi jawatan-jawatan yang kurang digemari dan tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan. Dalam hal ini, Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre-OSC*) yang diurus setiakan oleh Kementerian Dalam Negeri turut terdiri daripada Kementerian Tenaga Manusia dan lapan (8) Agensi Kawal Selia yang berperanan untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan penggajian pekerja asing mengikut sektor-sektor berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Senarai Agensi Kawal Selia Mengikut Sektor

BIL.	AGENSI KAWAL SELIA	SEKTOR
1.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Perkilangan
2.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Pertanian
3.	Kementerian Industri Utama	Perladangan
4.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	Pembinaan
5.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	Sub-sektor Restoran (Tukang Masak), dan Pembersihan Pencucian
6.	Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya	Sub-sektor spa, refleksologi, hotel, kedi (lelaki), pulau peranginan dan taman tema
7.	Kementerian Pengangkutan Malaysia	Pengendalian Kargo (Pelabuhan dan Lapangan Terbang)
8.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	Perlombongan dan Pengkuarian

Kementerian Dalam Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Tenaga Manusia, Agensi Kawal Selia serta Kementerian/ Agensi yang berkaitan melalui mesyuarat dan sesi libat urus yang diadakan.

Dalam hal ini, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Pengurusan Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 14 Ogos 2018 telah pun bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Tenaga Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia yang berperanan untuk menilai dan memutuskan dasar-dasar berhubung pengambilan pekerja asing dan juga dasar-dasar berkaitan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Di samping itu, Mesyuarat yang sama turut bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh bekas Pegawai Tertinggi Kerajaan dan diurus setiakan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Kementerian Tenaga Manusia untuk mengkaji dasar pengurusan pekerja asing dengan lebih komprehensif. Sebagai langkah awal untuk mendapatkan maklum balas dan perspektif terkini mengenai pengurusan pekerja asing, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Kementerian Tenaga Manusia akan mengadakan 13 sesi outreach ke seluruh Malaysia yang akan dihadiri oleh lebih kurang 1,000 orang wakil majikan, pekerja, ahli akademik, *Civil Society Organisation* (CSO) dan pengamal media.

Di samping itu, sesi libat urus dalam kalangan Kementerian/ Agensi yang berkaitan sentiasa diadakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan bagi membolehkan Kementerian/ Agensi berkongsi pandangan dan mendapatkan input terkini mengenai penggajian pekerja asing mengikut sektor-sektor yang dibenarkan. Kerjasama strategik antara Kementerian/ Agensi adalah sangat penting bagi memastikan hala tuju pengurusan pekerja asing Negara sentiasa berada dalam landasan yang betul tanpa menafikan hak dan peluang rakyat tempatan serta membantu perkembangan dan kemajuan ekonomi Negara. Selain itu, pendapat dan pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat juga amatlah dialu-alukan untuk membantu Kerajaan memantapkan lagi dasar dan pengurusan pekerja asing secara lebih inklusif dan holistik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN :

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan dengan terperinci berkenaan langkah-
langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelaraskan pindaan
undang-undang di peringkat Negeri dan juga Persekutuan bagi
menaikkan had umur berkahwin.**

JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kes perkahwinan kanak-kanak yang tular pada Jun yang lalu, mencetus gesaan kepada Kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian secara holistik dengan segera bagi memastikan kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan, dapat dilindungi daripada sebarang elemen eksploitasi. Beberapa siri konsultasi dan mesyuarat telah diadakan sejak 2 Julai 2018 ke arah menetapkan had umur perkahwinan dalam semua perundangan kepada 18 tahun.

Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 13 September 2018 melibatkan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), YB Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Peguam Besar Negeri Sarawak, wakil-wakil daripada Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kemajuan Orang

Asli (JAKOA) dan kementerian/jabatan Kerajaan lain yang berkaitan, antaranya telah memutuskan seperti berikut:

- a. cadangan pindaan had umur minimum perkahwinan bagi orang bukan Islam di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan seterusnya ke Parlimen;
- b. JAKIM dan KPWKM menyediakan satu kertas makluman secara bersama bagi cadangan menaikkan had umur minimum perkahwinan di bawah Akta Undang Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 16 Oktober 2018; dan
- c. libat urus diadakan dengan pemegang taruh berkaitan di peringkat agensi Kerajaan, Bukan Kerajaan, negeri-negeri dan Ketua-Ketua Adat di Sabah dan Sarawak melalui sesi perbincangan meja bulat dan sesi *Town hall*. Bagi memulakan proses libat urus ini, satu sesi konsultasi yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri akan diadakan pada 9 November

2018 dengan melibatkan *Taskforce* Perkahwinan Bawah Umur yang telah ditubuhkan pada tahun 2013, *stakeholders* Kementerian, UNICEF dan juga pakar-pakar dalam hak asasi kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 September 2018 juga telah bersetuju mengemukakan cadangan menaikkan had umur minimum perkahwinan bagi orang Islam untuk dibincangkan dalam Mesyuarat *Pre Council* Majlis Raja-Raja pada 16 Oktober 2018. Perkenan dan sokongan Majlis Raja-Raja akan memudahkan cadangan tersebut dilaksanakan di negeri-negeri.

Penyelarasan had umur perkahwinan di dalam semua perundangan sedia ada semestinya memerlukan konsultasi bersama-sama semua pihak yang terlibat. KPWKM bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam melaksanakan libat urus bersama-sama pemegang taruh termasuklah dalam memberikan pengetahuan mengenai perkahwinan bawah umur dan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan kanak-kanak sendiri mengenai kesan negatif perkahwinan bawah umur dari segi kesihatan (dengan kerjasama Kementerian Kesihatan),

pendidikan (kerjasama Kementerian Pendidikan) dan kesejahteraan serta kebajikan (kerjasama JKM dan LPPKN).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN
TUANKU JAAFAR**

[SANTUBONG]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018
MENJAWAB

SOALAN : 24

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kajian telah dibuat untuk mengetahui undang-undang yang telah menghakiskan keupayaan undang undang Sarawak untuk mendapat hasil dari Kuasa Bersama (concurrent authority) di bawah Perlembagaan Persekutuan dilulus tanpa mengikut syarat Perlembagaan, dan bila undang-undang ini akan dipinda untuk mengembalikan atau formalize penubuhannya dengan Sarawak atau Sabah.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak dan meneliti hak Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Terma rujukan bagi Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut antaranya adalah untuk mengenal pasti dan menyemak isu berhubung dengan pelaksanaan hak-hak dan kuasa autonomi Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 dan *Report of the Inter-Governmental Committee 1962* serta memperakukan syor berhubung dengan keperluan untuk memperbaharu kerangka perundangan.

2. Jawatankuasa Khas Kabinet ini bertanggungjawab untuk meneliti dan mempertimbangkan apa-apa cadangan berhubung dengan hak dan Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah dan persoalan bila undang-undang akan dipinda tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Khas Kabinet ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah pendek dan penyelesaian jangka panjang bagi menangani isu arak merbahaya atau samsu daripada premis pembuatan, pemprosesan serta penjualan samsu dan arak merbahaya yang telah mengorbankan banyak nyawa baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak terlibat secara langsung dalam perdagangan minuman beralkohol. Kementerian ini hanya terlibat sekiranya terdapat pelanggaran cap dagangan (barang tiruan) yang mana tindakan adalah berdasarkan Akta Perihal Dagangan 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG CHEN
KAWASAN : SUBANG
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [Subang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) sama ada ia akan menjalankan kajian impak ekonomi dari projek kereta nasional ketiga yang dicadangkan; dan
- b) jika ya, adakah Kementerian sudi memberi komitmen untuk menerbitkan kajian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek kereta nasional baharu akan dibuat selari dengan hala tuju dan strategi masa depan industri automotif Malaysia, dengan mengambil kira unsur-unsur *Next Generation Vehicles* (NXGV), Mobiliti, Revolusi Industri (IR) 4.0 dan *Artificial Intelligence* (AI). Projek kereta nasional baharu yang dicadangkan ini tertumpu kepada pembangunan keupayaan pembuatan dan juga secara holistik dengan melibatkan keseluruhan rantai nilai dan ekosistem industri automotif.

Cadangan projek kereta nasional baharu ini juga perlu memberi penekanan kepada pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D), tren dan teknologi baharu dalam sektor automotif yang mana akan memacu pertumbuhan industri automotif di Malaysia serta kerjasama dengan negara-negara ASEAN yang lain. Di samping itu, cadangan projek kereta nasional baharu ini juga dijangka dapat mewujudkan kluster teknologi baharu serta tenaga kerja pakar baharu terutama dalam bidang kejuruteraan automotif di Malaysia.

Cadangan ini akan dipacu sepenuhnya oleh pihak swasta dan Kerajaan hanya akan membantu dari segi kemudahan dan bantuan tertentu bergantung kepada komitmen syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menjemput pihak-pihak yang berminat untuk mengemukakan cadangan kepada Kerajaan berhubung projek kereta nasional yang baharu di Malaysia pada September 2018. Tarikh akhir bagi penghantaran cadangan adalah pada 15 Oktober 2018.

Kementerian ini mengalu-alukan sebarang cadangan mahupun idea dari semua pihak bagi menjayakan projek kereta nasional baharu ini. Setakat ini, beberapa syarikat telah menunjukkan minat untuk melibatkan diri di dalam cadangan projek kereta nasional baharu ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini peruntukan untuk pendidikan tinggi dan pendidikan yang sebelum ini berhadapan masalah semasa Kerajaan dahulu terutamanya daripada segi peruntukan kajian dan penyelidikan IPT, biasiswa pengajian dan pembangunan serta penyelenggaraan sekolah kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2018, universiti awam telah diperuntukkan sebanyak RM6,715,314,100 bagi menampung perbelanjaan operasi universiti awam. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 9.77 peratus berbanding penyaluran peruntukan bagi tahun 2017.

Pada masa yang sama, pemberian dana kepada universiti penyelidikan negara di bawah RMKe-11 bagi tujuan Program Dana Universiti Penyelidikan, Program Dana Penyelidikan Fundamental dan Program Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) yang diperuntukkan bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM345 Juta. Manakala pemberian dana biasiswa pula adalah sebanyak RM 212 Juta.

Pengurangan peruntukan kepada universiti awam bukan penghalang kepada universiti awam untuk terus kompetitif dan kekal bersaing dalam pendidikan tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan beberapa strategi dalam memantapkan kedudukan kewangan universiti awam. Antara perkara utama yang digariskan adalah berkaitan dengan cara mengurangkan penggantungan universiti awam kepada sumber kerajaan. Salah satu strategi yang diperkenalkan adalah menggalakkan universiti awam memperkukuhkan kewangan sendiri, mewujudkan tabung endowmen dan waqaf, mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan dan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa menjejaskan kualiti pendidikan sedia ada.

Semua strategi yang dinyatakan tersebut adalah merupakan strategi yang dapat membantu universiti awam terus beroperasi dalam tempoh berlakunya pengurangan bajet selari dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan universiti awam kepada sumber Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN :

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian rasmi Kerajaan terhadap hukuman sebat yang dikenakan terhadap pasangan lesbian di Terengganu pada September 2018 yang lepas.

JAWAPAN : **(YB DATO' DR MUJAHID YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menghormati bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjatuhkan hukuman sebat dan membuat perintah berkaitan pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Kerajaan juga tidak berhasrat untuk campur tangan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Mahkamah Syariah kerana ia terletak di bawah bidang kuasa perundangan dan kehakiman negeri-negeri.

Sungguh pun demikian, Kerajaan Persekutuan mengambil pendekatan bahawa bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada

mahkamah sewajarnya digunakan seiring dengan budi bicara yang ada pada mahkamah. Dalam erti kata lain, walaupun mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan apa-apa hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang, namun mahkamah juga perlu mengambil kira prinsip-prinsip kehakiman yang utuh (*well established judicial principles*) dalam menentukan jenis dan kadar hukuman yang dijatuhkan dalam setiap kes. Ini bererti, mahkamah perlu mengambil kira fakta-fakta yang relevan dalam sesuatu kes. Selain itu, mahkamah juga perlu mengambil kira faktor-faktor yang berkaitan yang boleh meringankan hukuman (*mitigating factors*) dan yang boleh memberatkan hukuman (*aggravating factors*) agar hukuman yang dijatuhkan itu benar-benar adil, wajar dan setimpal. Jenis dan kadar hukuman yang dijatuhkan itu juga perlu bersandarkan kepada fakta-fakta dan merit-merit dalam sesuatu kes. Setiap kes mempunyai fakta dan merit tersendiri serta memerlukan penilaian yang berbeza daripada mahkamah sebelum sesuatu keputusan dibuat dan hukuman dijatuhkan.

Begitu juga berkenaan perintah pelaksanaan hukuman sebat yang mana Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan hukuman sebat dilaksanakan di mana-mana tempat atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan bidang kuasa tersebut mahkamah masih boleh menggunakan pertimbangan budi bicara dengan mengambilkira kepentingan awam dan keadaan semasa agar pelaksanaan hukuman itu dapat menggambarkan bahawa Islam adalah agama yang adil, syumul dan bertoleransi yang boleh memberi rahmat kepada semua pihak termasuk orang awam, pihak berkuasa agama, pesalah dan keluarga pesalah itu sendiri.

Selain itu, dalam keadaan-keadaan tertentu, sudah tiba masanya untuk Mahkamah Syariah memberi penekanan yang lebih kepada hukuman-hukuman yang bersifat pemulihan (*rehabilitative*) berbanding hukuman-hukuman yang berbentuk pembalasan (*retributive*). Hukuman-hukuman yang bersifat pemulihan adalah bertujuan untuk mendidik dan memulih pesalah-pesalah kali

pertama supaya kembali ke landasan yang betul tanpa menjalani hukuman yang berbentuk pembalasan. Walau bagaimanapun, hukuman yang berbentuk pembalasan masih boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam kes-kes tertentu contohnya kes-kes yang melibatkan pesalah-pesalah yang berulang (*habitual offenders*). Pendirian Kerajaan ini tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk memastikan bahawa agama Islam dicerminkan sebagai agama yang bersifat pemaaf, mendidik, memberi peluang kedua dan rahmah dan bukannya agama yang bersifat menghukum semata-mata sesuai dengan risalah Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat bagi sekalian alam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah peruntukan untuk setiap pusat perubatan kendalian universiti awam ('teaching hospitals') dari tahun 2015 sehingga 2018; dan
- (b) alasan Kementerian berhubung potongan dana mendadak yang turut melibatkan Pusat Perubatan Universiti Malaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Mengurus yang disalurkan kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) adalah sebanyak RM407,521,300 pada tahun 2015, RM443,036,000 pada tahun 2016, RM412,036,000 pada tahun 2017 dan sebanyak RM400,000,00 pada tahun 2018.

Manakala bagi Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, dana telah diterima sebanyak RM443,002,800 pada tahun 2015, RM408,211,000 pada tahun 2016, RM309,969,00 pada tahun 2017 dan RM310,000,000 pada tahun 2018. Hospital Universiti Sains Malaysia pula telah menerima dana sejumlah RM321,730,900 pada tahun 2015, RM328,018,800 pada tahun 2017 dan RM302,261,000 pada tahun 2018. Di samping itu, Hospital Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula hanya menerima dana pada tahun 2018 sebanyak RM90,000,000.

Walaupun peruntukan mengurus yang diperuntukan kepada PPUM bagi empat tahun kebelakangan ini menunjukkan penurunan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2017 dan 2018, namun PPUM turut menerima peruntukan mengurus tambahan lain bagi perolehan ubat-ubatan dan alat guna habis pada tahun 2017 dan 2018 berjumlah sebanyak RM34,818,500 dan RM29,349,900.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan beberapa strategi dalam memantapkan kedudukan kewangan universiti awam dan hospital pengajar. Antara perkara utama yang digariskan adalah berkaitan dengan cara mengurangkan penggantungan universiti awam dan hospital pengajar kepada sumber kerajaan. Salah satu strategi yang diperkenalkan adalah menggalakkan universiti awam dan hospital pengajar memperkukuhkan kewangan sendiri dan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan sedia ada.

SOALAN NO.: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 17/10/2018 (RABU)

SOALAN NO. 30

SOALAN : Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengekang aktiviti pembukaan dan pembangunan ladang hutan secara meluas serta besar-besaran.

SOALAN NO. 30

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Penubuhan ladang hutan merupakan salah satu usaha untuk mendapatkan bekalan kayu yang berterusan, memulihkan kawasan miskin dan terosot kepada kawasan yang lebih produktif dengan mengenalpasti spesies cepat membesar dan bermutu tinggi sebagai bahan mentah untuk industri berasas kayu.

Kementerian dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengambil beberapa langkah pengawalan pembukaan kawasan ladang hutan iaitu;

1. Menghadkan keluasan zon ladang hutan kepada 439,189 hektar untuk seluruh Semenanjung Malaysia. Pecahan zon yang telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara yang ke 68 pada tahun 2012 dan kawasan ladang hutan di dalam hutan simpanan kekal di Semenanjung Malaysia sehingga Ogos 2018 sepertimana **Jadual 1**.

Jadual 1: Pecahan Zon Yang Diluluskan oleh MTN dan Keluasan Ladang Hutan Yang Ditanam Di Dalam HSK Semenanjung Malaysia Sehingga Ogos 2018

NEGERI	KELULUSAN OLEH MTN PADA 2012 (Ha)	KELUASAN LADANG HUTAN DENGAN TANAMAN (Ha)
Johor	37,880.00	36,212.88
Kedah	15,380.00	3,599.30

Kelantan	199,000.00	36,846.29
Melaka	-	-
Negeri Sembilan	3,000.00	1,281.11
Pahang	36,030.00	24,249.44
Perak	100,000.00	5,260.55
Perlis	-	671.00
Pulau Pinang	-	-
Selangor	11,000.00	6,164.92
Terengganu	36,899.00	2,908.00
W. Persekutuan	-	-
JUMLAH	439,189.00	117,193.49

2. Menguatkuasakan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 1/2010: **Panduan Penilaian Ke atas Kawasan Dalam Hutan Simpanan Kekal Yang Dipohon Untuk Pembangunan Ladang Hutan** di mana keutamaan diberi kepada kawasan hutan simpanan kekal yang berstatus miskin dan terosot sama ada disebabkan oleh pencerobohan, kebakaran, serangan perosak dan jangkitan penyakit;

3. Menguatkuasakan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 1/2017: **Format Rancangan Pengurusan Ladang Hutan** yang mewajibkan syarikat/pengusaha ladang hutan menyediakan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan sebagai langkah untuk mengurus dan membangun kawasan ladang hutan dengan cekap dan berkesan; dan

4. Mewajibkan penyediaan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) sepertimana yang diperuntukan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling 2015 untuk semua kelulusan penubuhan ladang hutan dalam hutan simpanan kekal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN : 31

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan bilakah kerja-kerja menaik taraf kuarters
anggota-anggota Polis Diraja Malaysia dan bangunan-bangunan seperti
balai polis dan ibu pejabat polis di kawasan Parlimen Jelutong dijangka
akan dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan projek Balai Polis Jelutong, Timur Laut telah disenaraikan dalam Pelan Strategik Polis DiRaja Malaysia (PSPDRM) tahun 2015 hingga 2020. Namun, cadangan projek ini tidak dilaksanakan berikutan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu menumpukan pada projek-projek yang lebih mendesak dalam kedudukan peruntukan yang terbatas.

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan membuat semakan keutamaan dari semasa ke semasa dan sekiranya terdapat keperluan pelaksanaan Balai Polis yang baharu, cadangan projek ini akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* berikutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMPAU]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 32

Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMPAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dan Bank Negara sebagai langkah penampan bagi mengawal kejatuhan nilai Ringgit dan berapakah jumlah rizab antarabangsa yang telah dicairkan bagi menampung kawalan nilai Ringgit daripada terus jatuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 9 Oktober 2018, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 2.3% manakala nilai mata wang serantau yang lain telah menyusut sebanyak 3.4% hingga 11% berbanding dolar AS. Walau bagaimanapun, berbanding dengan mata wang serantau, prestasi ringgit adalah lebih stabil. Ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.1% berbanding dolar Singapura, 5.9% berbanding peso Filipina dan 9.9% berbanding rupiah Indonesia bagi tempoh yang sama.

2. Faktor utama kejatuhan nilai ringgit serta mata wang serantau kebelakangan ini adalah akibat aliran keluar dana asing yang didorong oleh faktor-faktor luaran, antaranya:

- a. ketidakstabilan pasaran dunia akibat risiko perang perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat – China;
- b. kenaikan kadar faedah oleh bank pusat Amerika Syarikat menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangi semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran kewangan “ekonomi sedang pesat membangun” (*emerging economies*); dan
- c. kebimbangan mengenai risiko kesan penularan (*contagion effect*) dalam kalangan mata wang ekonomi sedang pesat membangun berikutan kejatuhan ketara peso Argentina dan lira Turki, yang telah menyusut nilai sebanyak 49.8% dan 37.7% masing-masing berbanding dengan dolar AS sehingga 9 Oktober 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu ini, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel telah memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah-langkah untuk memastikan kecairan

yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

4. Antara langkah-langkah tersebut adalah penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukar kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

5. Selain itu, dalam usaha untuk menstabilkan pasaran, kecairan telah disalurkan melalui penggunaan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM). Sehubungan itu, rizab antarabangsa BNM telah menunjukkan penyusutan sebanyak USD6.5 bilion, dari USD109.5 bilion kepada USD103 bilion, bagi tempoh akhir April 2018 hingga September 2018.

6. Walau bagaimanapun, penurunan rizab antarabangsa ini dijangka bagi tempoh sementara dan tidak berterusan. Dalam jangka masa panjang, paras rizab antarabangsa BNM dijangka disokong dengan pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih akaun semasa negara yang kekal positif. Pada 28 September 2018, paras rizab antarabangsa yang berjumlah USD103 bilion ini memadai untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan 0.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Liberalisasi progresif peraturan pentadbiran tukaran asing juga menghasilkan lebih banyak rizab yang tidak berpusat. Ini dicerminkan dalam peningkatan pemerolehan aset di luar negara oleh bank dan korporat pemastautin. Secara khususnya, bank dan korporat pemastautin memegang tiga perempat daripada aset luar negeri Malaysia yang boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri tanpa membuat sebarang tuntutan ke atas rizab antarabangsa BNM.

8. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkuat daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit, rizab negara dan pasaran modal akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN
IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN : 33

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) akan diteruskan bagi menyediakan dan memperluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar khususnya di Jerantut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) masih diteruskan dalam usaha Kementerian untuk mengatasi masalah bekalan air di kawasan luar bandar serta menyediakan infrastruktur bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar. Siling RMK-11 bagi Program BALB Semenanjung adalah RM 1.04 bilion dengan RM230 juta diperuntukkan bagi Negeri Pahang. Projek BALB dengan kos RM18 juta yang melibatkan pelbagai daerah termasuk Jerantut kini sedang dalam proses rekabentuk dan dijangka ditender pada awal tahun hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang dilaksanakan untuk **membaiki dan menaik taraf prasarana di PPR** bagi meningkatkan tahap keselamatan penduduk.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tanggungjawab untuk membaiki dan menaik taraf prasarana Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah di bawah Kerajaan Negeri/Agensi di bawah Kerajaan Negeri.
2. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyedari kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan peruntukan bagi membaiki dan menaik taraf prasarana PPR. Sehubungan itu, KPKT telah melaksanakan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) yang bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri membaiki dan menaik taraf PPR termasuk rumah pangsa awam yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri.
3. Program PPP ini mula dilaksanakan pada tahun 2011 dan skop pembaikan merangkumi semua aspek keselamatan seperti pembaikan dan penggantian lif, *handrail* dan susur tangga serta pendawaian elektrik.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2018, sebanyak 285 projek telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM216.8 juta. Pelaksanaan program ini telah memberi manfaat kepada seramai 421,936 orang penghuni yang tinggal di perumahan berstrata kos rendah awam.
5. Kementerian berharap dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan melalui program PPP ini dapat meningkatkan tahap keselamatan penduduk PPR dan seterusnya membolehkan mereka menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN : 35

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perkembangan siasatan semula kes kematian mendiang Teoh Beng Hock.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum hasil keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 20 Jun 2018 supaya siasatan kes kematian Teoh Beng Hock dibuka semula. Pihak PDRM masih menunggu arahan dan skop siasatan dari pejabat Peguam Negara untuk memulakan siasatan berkenaan dan pihak PDRM juga telah bersiap sedia dengan menubuhkan Pasukan Khas untuk mengendalikan kes berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 36

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan prakarsa yang substantif untuk berkongsi kekayaan yang lebih *equitable*, merapatkan jurang kekayaan antara kumpulan yang semakin melebar dan menghapuskan kemiskinan relatif yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah substantif telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk membolehkan kekayaan negara dikongsi secara lebih saksama, merapatkan jurang kekayaan antara kumpulan etnik dan membasmi kemiskinan sama ada secara mutlak atau relatif.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020, ketiga-tiga matlamat ini ditangani melalui pendekatan pembangunan inklusif khususnya bagi meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40). Ini melibatkan semua isi rumah B40 tanpa mengira etnik, jantina, status sosioekonomi dan kedudukan geografi.

Antara langkah utama yang diambil ialah memperluas akses isi rumah B40 kepada pekerjaan bergaji tinggi melalui pendidikan dan kemahiran tinggi, menggalakkan aktiviti keusahawanan serta meningkatkan produktiviti pengeluaran pekebun, petani dan nelayan. Pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi juga akan dipastikan terus kukuh di samping meningkatkan pelaburan baru bagi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan kepada isi rumah B40.

Selain itu, pembangunan infrastruktur asas seperti jalan berturap, bekalan elektrik, bekalan air terawat, kemudahan komunikasi dan capaian internet akan diperluas ke seluruh negara sebagai '*enabler*' kepada pertumbuhan pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Skim bantuan yang diberikan kepada isi rumah B40 juga akan diperkemas supaya lebih bersasar dan merangsang produktiviti. Dalam pada itu, aspek ketirisan dan keciciran dalam penyaluran bantuan akan diatasi melalui sistem tadbir urus dan perkhidmatan kerajaan yang lebih telus, cekap dan bertanggung jawab.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjalankan kajian Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (Household Income Survey [HIS]) secara berkala bagi mengukur keberkesanan usaha pembasmian kemiskinan secara menyeluruh di seluruh negara. HIS dijalankan dua kali bagi setiap lima tahun, di mana HIS yang terkini adalah pada tahun 2016. Berdasarkan HIS, langkah pembasmian kemiskinan telah menunjukkan keberkesanannya apabila insiden kemiskinan mutlak nasional berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada hanya 0.4% pada 2016.

Namun demikian, indeks Paras Garis Kemiskinan (PGK) akan dikemaskini dengan mengambilkira perubahan corak penggunaan mengikut demografi dan geografi supaya lebih mencerminkan keadaan ekonomi semasa. Kerajaan kini dalam proses mengkaji semula model Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan supaya lebih realistik dalam mencerminkan kos sara hidup semasa. PGK yang digunakan mesti mengambil kira lokasi geografi dan bilangan isi rumah, berbanding menggunakan PGK nasional secara pukol rata. Nilai PGK berdasarkan model yang telah ditambah baik akan dikeluarkan apabila laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 diterbitkan kelak.

Kerajaan juga sedang melihat semula langkah-langkah bagi mengurangkan kesenjangan pendapatan di antara kumpulan berpendapatan rendah dan kumpulan berpendapatan tinggi, termasuk miskin bandar. Dalam hubungan ini, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas akan memperkukuh langkah-langkah bagi meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40). Inisiatif utama bagi meningkatkan pendapatan golongan ini adalah dengan memperkukuh kapasiti dan kapabiliti isi rumah B40 melalui pendidikan dan latihan kemahiran bagi meningkatkan akses kepada pekerjaan bergaji tinggi, menggalakkan aktiviti keusahawanan dan meningkatkan produktiviti.

Dengan langkah-langkah seperti yang disebutkan, Kerajaan percaya keadaan ketidaksamaan pendapatan dan kekayaan serta insiden kemiskinan dalam kalangan rakyat akan dapat terus dikurangkan. Usaha ini memerlukan komitmen dan peranan semua pemegang taruh di pelbagai peringkat, termasuk pihak swasta dan organisasi masyarakat sivil.

Sekian, terima kasih.

17 Oktober 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR B. RADIN
(KINABATANGAN)**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN : 37

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan berapakah statistik pekerja asing yang telah
berdaftar dengan Jabatan Imigresen serta apakah tindakan yang telah
dilaksanakan oleh Kementerian bagi membanteras pendatang asing tanpa
izin.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2018, sejumlah 1,892,247 orang pekerja asing tidak mahir direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia melalui pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif.

Bagi mengekang pertambahan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di dalam negara, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Sebanyak 38,513 operasi telah dijalankan dari tahun 2016 sehingga bulan September 2018 dan melalui operasi tersebut, sejumlah 132,042 orang PATI dan 3,742 orang majikan telah ditangkap di bawah pelbagai kesalahan imigresen.

Majikan yang dikesan menggaji PATI boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63 di mana majikan akan didakwa di bawah empat kesalahan utama iaitu di bawah Seksyen 55A untuk membawa masuk PATI secara tidak sah ke dalam negara, Seksyen 55B untuk menggaji PATI yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM 10,000 tetapi tidak lebih RM 50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap orang yang diambil bekerja, Seksyen 55E untuk membenarkan PATI masuk dan tinggal di premis dan Seksyen 56 (1) (d) untuk kesalahan melindungi PATI. Di samping itu, majikan juga boleh didakwa di bawah Akta Anti Pernerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran 2007(Pindaan 2010) (ATIPSOM).

Selain itu, sehingga 30 Ogos 2018, mana-mana PATI boleh menyerah diri secara sukarela ke JIM dan kembali ke negara asal mereka melalui Program Penghantaran Pulang PATI Secara Sukarela (Program 3+1). Melalui program tersebut, mana-mana PATI yang menyerah diri secara sukarela akan dikenakan kompaun sebanyak RM300 dan bayaran Pas Khas sebanyak RM100 serta dikecualikan pendakwaan untuk kesalahan di

bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Peraturan-Peraturan Imigresen. Mereka juga akan disenarai hitam daripada memasuki negara untuk tempoh lima tahun dan diambil rekod biometrik untuk rujukan JIM. Statistik terkumpul oleh JIM menunjukkan seramai 874,480 orang PATI telah pulang ke negara asal melalui Program 3+1 sejak tahun 2016 sehingga bulan 30 Ogos 2018.

Sebagai langkah mengesan PATI, mengenalpasti lokaliti dan pekerjaan PATI di dalam Negara, Kerajaan telah melaksanakan pemeriksaan dan risikan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam dari pelbagai sumber seperti e-mel, surat, telefon, sistem pesanan ringkas dan aduan melalui kaunter imigresen termasuk isu-isu yang berkaitan PATI yang tular di media sosial. Ibu Pejabat dan Pejabat Imigresen Negeri yang menerima sebarang aduan akan menjalankan operasi penguatkuasaan dengan mengambil kira aspek perancangan, faktor risiko dan pematuhan kepada *Standard Operating Procedures* (SOP) seperti yang telah ditetapkan.

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa langkah pencegahan dan kawalan seperti berikut:

- a) memperketat kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara;
- b) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- c) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);

- d) memperkasa usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama PDRM, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA);
- e) memperketat syarat pengeluaran visa kepada warganegara asing yang memerlukan visa untuk masuk dan berada di Malaysia. Dalam hubungan ini, JIM telah memperkenalkan reka bentuk *Malaysia Visa* dan *Malaysia Pass* pada 2 Oktober 2018 dengan ciri-ciri keselamatan yang terkini dan komprehensif dengan kepelbagaian kaedah perlindungan keselamatan melalui perkembangan dan kemajuan teknologi yang pesan dan mampan bagi menangani isu penyalahgunaan dan pemalsuan dokumen;
- f) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti kawasan luar bandar, kawasan bandar dan premis majikan yang menggaji pekerja asing serta institusi pengajian yang mengambil pelajar antarabangsa serta warga asing yang menjadi pasangan warganegara (perkahwinan antara warga asing dengan warga tempatan).

Kesimpulannya, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu secara berterusan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan dalam jumlah PATI di negara ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

RUJUKAN : L1 [PR-1412-L01480]

TARIKH : RABU, 17 OKTOBER 2018

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah tindakan Kementerian dan DBKL terhadap pengusaha-pengusaha gerai sepanjang Jalan Bukit Bintang antara Hotel JW Marriot – Lot 10 dan Kompleks Sungai Wang yang menyebabkan siar kaki terlalu sempit dan menghalang pejalan kaki melaluinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah membenarkan pengusaha-pengusaha gerai untuk berniaga di kawasan jalan utama di sepanjang Jalan Bukit Bintang antara Hotel JW Marriot, Lot 10 dan Kompleks Sungai Wang.

Kelulusan hanya diberikan kepada pengusaha “Side Walk Cafe” sahaja tertakluk kepada pengusaha mematuhi garis panduan perancangan “Side Walk Cafe” yang dibenarkan di kawasan ini sebagai tarikan pelancong di dalam dan luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara syarat yang ditetapkan dalam garis panduan perancangan “Side Walk Cafe” adalah pengusaha tidak dibenarkan meletakkan kerusi meja di laluan pejalan kaki tidak melebihi 20 kaki dari dinding kedai bagi memastikan pengguna selesa mengunjungi kawasan ini. Sekiranya pengusaha “Side Walk Café” gagal mematuhi garis panduan yang ditetapkan, kelulusan perniagaan ini akan ditarik balik oleh pihak DBKL.

Hasil pemerhatian DBKL mendapati bahawa struktur kiosk di kawasan hadapan Starhill – JW Marriot – LOT 10 menghadap Jalan Bukit Bintang, kawasan hadapan LOT 10 menghadap Jalan Sultan Ismail dan kawasan hadapan Yayasan Selangor menghadap Jalan Sultan Ismail tidak menghalang laluan pejalan kaki. Lebar siar kaki adalah berbeza dengan lebar minimum 20 kaki masih dianggap munasabah untuk pengguna siar kaki.

Manakala, pemerhatian di kawasan Deretan kedai dan restoran Arab bersebelahan Hotel Wolo menghadap Jalan Bukit Bintang mendapati deretan kedai dan restoran Arab ini berada di dalam bangunan kedai sediada. Pemerhatian mendapati kerusi meja restoran-restoran Arab

diletakkan di kaki lima dan juga terdapat penjaja haram yang menyebabkan laluan siar kaki menjadi sempit.

Sehingga kini, bagi bulan Januari hingga 12 Oktober 2018, pihak DBKL telah menyita barangan perniagaan penjaja bukan warganegara sebanyak 127 barangan di sekitar Jalan Bukit Bintang. Dimaklumkan, bagi penjaja bukan warganegara yang menjalankan aktiviti penjajaan, tindakan sita serta merta dilakukan dan semua barangan yang disita tidak boleh dituntut.

Pihak DBKL sentiasa memantau dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan (melalui Jabatan Penguatkuasaan) secara berkala terhadap pemilik-pemilik restoran Arab yang meletakkan kerusi meja termasuk penjaja haram di siar kaki.

Berdasarkan rekod tindakan bagi bulan Januari hingga 12 Oktober 2018, sebanyak 22 Notis Kompaun telah dikeluarkan di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu – letak / menyebabkan diletak barang, benda berhubung trednya di tempat awam. Manakala sebanyak 29 unit meja, 64 unit kerusi dan 100 lain-lain peralatan telah diambil tindakan *pindah halangan melalui Ops KEJA (Operasi Kerusi Meja) yang dilaksanakan.*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 39

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pengumumannya pada 19 September 2018 bahawa Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjual aset negara seperti saham, tanah dan bangunan milik Kerajaan. :-

- (a) adakah rancangan ini termasuk untuk menjual aset-aset Petronas dan Khazanah Nasional; dan
- (b) berapakah nilai yang bakal diperolehi daripada penjualan aset- aset tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia kini berada di landasan ekonomi yang tepat dan ingin berjaya mengubah daripada kedudukan global kleptokrasi yang sangat membimbangkan kepada kedudukan ekonomi yang mampan didorong oleh disiplin fiskal yang tinggi, belanjawan yang berhemat, kestabilan kewangan yang baik serta kadar inflasi yang rendah. Sebenarnya, usaha Malaysia untuk membebaskan diri daripada belenggu kleptokrasi telah memperkukuh kembali keyakinan dan sentimen pelabur dan ini dipertingkatkan lagi dengan wajah baharu Kerajaan yang komited dalam mereformasi institusi negara berteraskan prinsip cekap, akauntabiliti, dan telus (CAT). Walaupun Kerajaan baharu mewarisi daripada pentadbiran terdahulu hutang dan liabiliti yang mencecah satu trilion ringgit ekoran skandal kewangan 1MDB dan cabaran daripada kejatuhan nilai ringgit berikutan faktor luaran, Kerajaan tetap komited bagi memastikan daya tahan dan kewangan negara kekal mampan dan negara kekal menjadi destinasi pelaburan terpilih.

Sehubungan itu, bagi menyokong pelaksanaan inisiatif di atas, setakat ini Kerajaan masih lagi mengkaji dengan teliti aset yang boleh dijual.

Kerajaan ketika ini belum dapat mengumumkan nilai daripada penjualan aset kerana penjualan aset ini akan dilaksanakan menerusi kaedah yang terbuka dan telus serta mengamalkan prinsip integriti yang tinggi. Kerajaan juga akan memastikan aset yang dijual ini memberikan nilai terbaik atau *value for money* kepada negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA DATUK AZEEZ RAHIM
[BALING]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 41

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA DATUK AZEEZ RAHIM [BALING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme baru dan kaedah penyelesaian terbaik untuk membaik pulih nilai mata wang ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 9 Oktober 2018, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 2.3% manakala nilai mata wang serantau yang lain telah menyusut sebanyak 3.4% hingga 11% berbanding dolar AS. Walau bagaimanapun, berbanding dengan mata wang serantau, prestasi ringgit adalah lebih stabil. Ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.1% berbanding dolar Singapura, 5.9% berbanding peso Filipina dan 9.9% berbanding rupiah Indonesia bagi tempoh yang sama.

2. Faktor utama kejatuhan nilai ringgit serta mata wang serantau kebelakangan ini adalah akibat aliran keluar dana asing yang didorong oleh faktor-faktor luaran, antaranya:

- a. ketidakstabilan pasaran dunia akibat risiko perang perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat – China;
- b. kenaikan kadar faedah oleh bank pusat Amerika Syarikat menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangi semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran kewangan “ekonomi sedang pesat membangun” (*emerging economies*); dan
- c. kebimbangan mengenai risiko kesan penularan (*contagion effect*) dalam kalangan mata wang ekonomi sedang pesat membangun berikutan kejatuhan ketara peso Argentina dan lira Turki, yang telah menyusut nilai sebanyak 49.8% dan 37.7% masing-masing berbanding dengan dolar AS sehingga 9 Oktober 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu ini, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel telah memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah-langkah untuk memastikan kecairan

yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

4. Antara langkah-langkah tersebut adalah penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukar kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

5. Selain itu, dalam usaha untuk menstabilkan pasaran, kecairan telah disalurkan melalui penggunaan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM). Sehubungan itu, rizab antarabangsa BNM telah menunjukkan penyusutan sebanyak USD6.5 bilion, dari USD109.5 bilion kepada USD103 bilion, bagi tempoh akhir April 2018 hingga September 2018.

6. Walau bagaimanapun, penurunan rizab antarabangsa ini dijangka bagi tempoh sementara dan tidak berterusan. Dalam jangka masa panjang, paras rizab antarabangsa BNM dijangka disokong dengan pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih akaun semasa negara yang kekal positif. Pada 28 September 2018, paras rizab antarabangsa yang berjumlah USD103 bilion ini memadai untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan 0.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Liberalisasi progresif peraturan pentadbiran tukaran asing juga menghasilkan lebih banyak rizab yang tidak berpusat. Ini dicerminkan dalam peningkatan pemerolehan aset di luar negara oleh bank dan korporat pemastautin. Secara khususnya, bank dan korporat pemastautin memegang tiga perempat daripada aset luar negeri Malaysia yang boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri tanpa membuat sebarang tuntutan ke atas rizab antarabangsa BNM.

8. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkuat daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit, rizab negara dan pasaran modal akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO DR NOOR AZMI BIN GHAZALI
(BAGAN SERAI)**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN : 42

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak wang telah dibelanjakan
dan sejauh mana kejayaan Kerajaan dalam perang terhadap dadah
sejak 1983, dengan polisi dan undang-undang yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Bagan Serai dan Dewan yang mulia ini, anggaran jumlah wang yang diperuntukkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi memerangi masalah dadah untuk tempoh 2014 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun 2014 berjumlah RM 301,331,819.97;

Tahun 2015 berjumlah RM 309,434,309.77;

Tahun 2016 berjumlah RM 330,067,653.61;

Tahun 2017 berjumlah RM 321,903,070.35; dan

Tahun 2018 dianggarkan berjumlah RM 214,049,264.46.

Jumlah ini adalah termasuk emolumen dan gaji pegawai, pengurusan Agensi dan pelaksanaan program-program. Walaupun berlaku penurunan dari segi peruntukan kewangan yang disalurkan kepada AADK sebagai agensi peneraju dadah negara sejak tahun 2016, Kementerian Dalam Negeri dan AADK sentiasa komited untuk menghadapi cabaran semasa ini.

Dadah bukanlah suatu masalah baru yang melanda negara kita. Sejak awal kurun ke-19, di mana candu diperkenalkan dan dibawa masuk ke Malaya, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah termasuklah menguatkuasakan undang-undang dadah yang ketat, contohnya, Akta Dadah Berbahaya 1952. Atas prinsip bahawa masalah dadah bukan sahaja suatu gejala sosial tetapi merupakan suatu ancaman keselamatan, Kerajaan pada tahun 1983 telah mengumumkan dadah sebagai musuh nombor satu negara. Sehubungan dengan itu, usaha bagi menangani gejala penagihan dadah telah diperkembangkan dengan penggubalan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dengan tujuan utama untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah.

Sejak daripada itu, pelbagai pendekatan telah diambil bagi memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah. Pada permulaan

pelaksanaan Akta tersebut, kaedah umum yang digunapakai adalah bersifat *cold turkey* dan pengasingan melalui Pusat-Pusat Pemulihan Dadah Kerajaan. Walau bagaimanapun, dengan adanya peningkatan pengetahuan dan ilmu berkenaan penagihan dadah, program-program yang berasaskan bukti saintifik dan *best practices* telah diperkenalkan dalam usaha menangani penagihan dadah.

Sebagai contoh, Kerajaan telah memperkenalkan program pengurangan kemudahan sejak tahun 2005 melalui pendekatan *Medication-Assisted Therapy* dan *Needle Syringe Exchange Programme* di bawah seliaan Kementerian Kesihatan dengan kerjasama badan-badan bukan Kerajaan yang banyak membantu individu-individu terpinggir yang terjebak dengan penagihan dadah. Selain itu, pelbagai pendekatan juga telah diambil oleh AADK agar program-program yang dilaksanakan adalah sesuai dengan keperluan kumpulan sasar dan mengambil kira perkembangan semasa gejala penagihan dadah. Contohnya, program-program yang berasaskan pendayaupayaan komuniti, pendekatan terapi vokasional, pendekatan pemulihan kerohanian dan pendekatan Perkembangan (*Developmental Approach*) yang dipraktiskan dalam program pendidikan pencegahan dadah.

Menyedari bahawa masalah dadah harus ditangani dari pelbagai sudut, Kerajaan telah meluluskan Dasar Dadah Negara yang baru pada tahun 2017 sebagai sumber rujukan dan panduan utama bagi semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Matlamat Dasar Dadah Negara ialah mewujudkan negara dan masyarakat Malaysia yang bebas daripada ancaman gejala dadah bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat dan mengekalkan kestabilan serta ketahanan nasional. Dasar ini mempunyai lima (5) teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudahan. Ia merupakan suatu dasar yang holistik dan komprehensif yang boleh digunapakai selaras dengan peredaran masa.

Negara kita sepertimana negara-negara lain di dunia, mengakui bahawa dadah merupakan suatu isu yang memerlukan usaha yang berterusan dan tanpa putus asa bagi melindungi masyarakat daripada ancaman

dadah. Di Malaysia, berdasarkan statistik AADK, jumlah penagih dadah yang dikesan sejak tahun 2013 sehingga 2016 menunjukkan peningkatan iaitu jumlah penagih dadah pada tahun 2013 seramai 20,887 orang, tahun 2014 seramai 21,777 orang, tahun 2015 seramai 26,668 orang dan tahun 2016 seramai 30,844 orang. Walau bagaimanapun, dengan pendekatan-pendekatan baru yang diperkenalkan, penagih dadah yang dikesan pada tahun 2017 adalah seramai 25,922 orang, iaitu telah menurun sebanyak 16% berbanding tahun 2016. Selain itu, dalam pemantauan aspek kepulihan klien AADK, didapati bahawa sebanyak 60% daripada klien dapat mengekalkan kepulihan berbanding sasaran sebanyak 40% yang ditetapkan dalam *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian untuk tahun 2018.

Bagi memastikan masalah dadah di negara kita terus terkawal dan dapat ditangani dengan lebih berkesan, Kerajaan akan terus mempertingkatkan kerjasama strategik dengan badan-badan bukan Kerajaan dan masyarakat Malaysia yang prihatin dengan gejala penyalahgunaan dadah ini.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]

TARIKH : 17 Oktober 2018

**SOALAN : Tuan Chan Ming Kai minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-**

berapakah kuota diberikan kepada setiap syarikat yang menghasilkan benih padi, serta berapakah kapasiti infrastruktur yang dimiliki oleh syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kuota pembekalan benih padi sah kepada petani di bawah Program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) bagi tahun 2018 ialah berjumlah 72,000 metrik tan. Syarikat pengeluar yang dilantik melalui tender merupakan syarikat yang memenuhi kapasiti infrastruktur dari segi:

- i) Kapasiti pemprosesan di kilang benih padi (tan/tahun);
- ii) Kapasiti penyimpan benih padi (tan/semasa);
- iii) Keluasan ladang yang mencukupi;
- iv) Bilangan penyelia ladang yang mencukupi; dan
- v) Bilangan pekerja di kilang yang mencukupi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN :

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk
menggubal satu Akta Gangguan Seksual yang spesifik untuk memberikan
definisi kepada gangguan seksual dan juga untuk mengharamkan segala
bentuk gangguan seksual.

JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius mengenai isu gangguan seksual yang berlaku di negara ini. Pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan undang-undang/Kod Amalan dan Garis Panduan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dalam membendung gangguan seksual iaitu:

1. Kanun Keseksaan (Akta 574);
2. Pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265);
3. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1999); dan
4. Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam (2005).

Kerajaan melalui Kementerian ini akan meneruskan usaha penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual di mana satu kajian menyeluruh akan dijalankan untuk mengkaji kelompangan di dalam perundangan/peraturan sedia ada yang merangkumi sektor awam dan swasta di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dalam menangani isu ini.

Hasil kajian gangguan seksual tersebut akan disusuli dengan sesi libat urus bersama pelbagai kementerian, agensi, badan bukan kerajaan dan kerajaan negeri bagi mendapatkan pandangan untuk mewujudkan satu akta baharu khusus yang merangkumi segala bentuk gangguan seksual serta meliputi isu gangguan seksual di tempat awam di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN : 45

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah Lesen Senjata api yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada orang awam mengikut negeri-negeri mulai tahun 2008 hingga 2018

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pemilikan senjata api kategori pistol, *shotgun*, *pumpgun*, *rifle* dan lain-lain dari tahun 2008 sehingga 2018 adalah sebanyak 7017 orang berbanding jumlah keseluruhan sebanyak 35,206 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1204 di Selangor, 284 di Terengganu, sebanyak 58 di Perlis, 121 di Pulau Pinang, 195 di Melaka, 844 di Kuala Lumpur, 836 di Kedah, sebanyak 585 di Johor, 641 di Perak, 416 di Kelantan, 742 di negeri Pahang, 467 di Negeri Sembilan, 510 di Sabah manakala 114 di negeri Sarawak.

Pemilikan tersebut diluluskan berdasarkan permohonan pindah milik, lesen yang dituntut oleh waris dan penambahan kepada lesen-lesen baru. Kelulusan lesen yang diberikan kepada orang awam merangkumi kategori pemilikan Persendirian, Syarikat, Syarikat Kawalan Keselamatan, Agensi Kerajaan, Polis Bantuan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk pemilikan senjata jenis *shotgun* di negeri Sarawak kerana kelulusan *shotgun* negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat **membina lebih banyak Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Lembah Pantai** khususnya dan Kuala Lumpur secara amnya, demi membantu begitu ramai golongan miskin kota yang memohon rumah PPR sedia ada.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat peka tentang isu penyediaan rumah bagi golongan miskin kota di seluruh negara termasuklah di Lembah Pantai. Antara langkah yang diambil oleh KPKT dalam menangani isu berkenaan ialah melalui pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) yang menawarkan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan golongan setingan yang berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2001 hingga 31 Mei 2018, sebanyak 27 projek (34,862 unit) rumah telah siap dibina di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur. Justeru bagi menambah lagi pembangunan PPR di seluruh negara, pihak KPKT juga telah menghantar surat kepada kerajaan Negeri dan mengalu-alukan cadangan pihak Kerajaan Negeri termasuklah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengemukakan cadangan tapak yang sesuai bagi melaksanakan projek PPR kepada KPKT untuk pertimbangan.
3. Pelaksanaan pembangunan PPR ini akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan penduduk setempat meliputi bilangan setingan dan permohonan penduduk yang berkecukupan di kawasan berkenaan serta tertakluk kepada peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan dan kaedah perolehannya juga hendaklah melalui proses tender terbuka atau tender terbuka pra-kelayakan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA
[KETEREH]**

SOALAN : 47

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keperluan meneruskan khidmat Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) dan bilakah pembentangan keseluruhan berkenaan tugas besar CEP selama 100 hari akan didedahkan kepada umum untuk mengetahui keberkesanan penubuhan CEP

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

2. Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Penasihat Kerajaan atau Council of Eminent Persons (CEP) telah diumumkan penubuhannya pada 12 Mei 2018 dan mereka telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018. Matlamat utama penubuhan Majlis ini adalah untuk menasihatkan Kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian mengikut keadaan dari semasa ke semasa.

3. Pihak Kerajaan telah pun menerima secara berperingkat laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Walau bagaimanapun, seperti mana yang pernah dimaklumkan di dalam sidang dewan yang mulia ini, sama ada pandangan mereka diterima atau tidak tertakluk kepada pertimbangan Jemaah Menteri atau Parlimen. CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat yang tidak mempunyai kuasa atau peruntukkan di bawah Perlembagaan ataupun Undang-Undang Negara. Ini bermakna, Kerajaan sama sekali tidak terikat untuk menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh CEP.

4. Memandangkan laporan yang dikemukakan oleh CEP masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan pembentangan keseluruhan berkenaan tugas besar CEP selama 100 hari dan pendedahan kepada umum untuk mengetahui

NO. SOALAN: 47

keberkesanan penubuhan CEP laporan tersebut hanya boleh diputuskan setelah laporan-laporan tersebut selesai diteliti.

5. Apa yang lebih penting, Kerajaan Pakatan Harapan akan sentiasa bersikap peka dan prihatin terhadap semua perkara atau pandangan yang diberikan dalam laporan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL
[MAS GADING]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN : 48

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan Jambatan Kampung Selampit yang dikatakan sedang dalam peringkat reka bentuk dan mendapat kelulusan kenaikan siling tambahan sebanyak 20 juta serta adakah Kerajaan boleh menyalurkan peruntukan untuk menurap jalan (9km) ke Kampung Kendaie, iaitu jalan alternatif ke Kampung Selampit selama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Projek Jambatan Selampit, Bau, Sarawak telah diluluskan pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) dengan kos keseluruhan sebanyak RM10.0 juta. Status semasa bagi projek ini adalah di dalam peringkat rekabentuk dan sedang dalam proses bagi mendapatkan kelulusan kenaikan kos siling tambahan sebanyak RM20.0 juta daripada Unit Perancang Ekonomi. Kos terkini projek ini adalah sebanyak RM30.0 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek membina Jalan Kg. Kendaie, Lundu Bahagian Kuching telah tersenarai di bawah senarai keutamaan negeri Sarawak dan akan dipohon pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan* yang akan datang. Walau bagaimanapun, kelulusan projek adalah bergantung kepada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ZAKARIA BIN MOHD
EDRIS@TUBAU
[LIBARAN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 49

Y.B. DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kedudukan kewangan dan Ringgit Malaysia pada masa ini, dan apakah langkah diambil untuk memastikan keadaan kewangan dan Ringgit terus mengukuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 9 Oktober 2018, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 2.3% manakala nilai mata wang serantau yang lain telah menyusut sebanyak 3.4% hingga 11% berbanding dolar AS. Walau bagaimanapun, berbanding dengan mata wang serantau, prestasi ringgit adalah lebih stabil. Ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.1% berbanding dolar Singapura, 5.9% berbanding peso Filipina dan 9.9% berbanding rupiah Indonesia bagi tempoh yang sama.

2. Faktor utama kejatuhan nilai ringgit serta mata wang serantau kebelakangan ini adalah akibat aliran keluar dana asing yang didorong oleh faktor-faktor luaran, antaranya:

- a. ketidakstabilan pasaran dunia akibat risiko perang perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat – China;
- b. kenaikan kadar faedah oleh bank pusat Amerika Syarikat menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangi semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran kewangan “ekonomi sedang pesat membangun” (*emerging economies*); dan
- c. kebimbangan mengenai risiko kesan penularan (*contagion effect*) dalam kalangan mata wang ekonomi sedang pesat membangun berikutan kejatuhan ketara peso Argentina dan lira Turki, yang telah menyusut nilai sebanyak 49.8% dan 37.7% masing-masing berbanding dengan dolar AS sehingga 9 Oktober 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu ini, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel telah memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah-langkah untuk memastikan kecairan

yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

4. Antara langkah-langkah tersebut adalah penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukar kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

5. Selain itu, dalam usaha untuk menstabilkan pasaran, kecairan telah disalurkan melalui penggunaan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM). Sehubungan itu, rizab antarabangsa BNM telah menunjukkan penyusutan sebanyak USD6.5 bilion, dari USD109.5 bilion kepada USD103 bilion, bagi tempoh akhir April 2018 hingga September 2018.

6. Walau bagaimanapun, penurunan rizab antarabangsa ini dijangka bagi tempoh sementara dan tidak berterusan. Dalam jangka masa panjang, paras rizab antarabangsa BNM dijangka disokong dengan pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih akaun semasa negara yang kekal positif. Pada 28 September 2018, paras rizab antarabangsa yang berjumlah USD103 bilion ini memadai untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan 0.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Liberalisasi progresif peraturan pentadbiran tukaran asing juga menghasilkan lebih banyak rizab yang tidak berpusat. Ini dicerminkan dalam peningkatan pemerolehan aset di luar negara oleh bank dan korporat pemastautin. Secara khususnya, bank dan korporat pemastautin memegang tiga perempat daripada aset luar negeri Malaysia yang boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri tanpa membuat sebarang tuntutan ke atas rizab antarabangsa BNM.

8. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkuat daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit, rizab negara dan pasaran modal akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 50

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendekatan Kementerian untuk memastikan infrastruktur sekolah-sekolah di pedalaman terutama sekali di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap infrastruktur semua institusi pendidikan termasuklah infrastruktur sekolah pedalaman. KPM melaksanakan semakan status dan pengesyoran melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak dengan kerjasama jabatan-jabatan teknikal termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak bagi menentukan skop kerja yang diperlukan oleh sekolah-sekolah. Penyaluran peruntukan KPM adalah berdasarkan kepada keutamaan skop kerja dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM679,775.00 untuk penyelenggaraan dan pembaikan kecil lima (5) buah sekolah kerajaan di kawasan Parlimen Hulu Rajang pada tahun 2018.

RJM15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB
[MARAN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status dan perancangan kementerian dalam menyiapkan pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan dalam RMK-11 bagi memberi kemudahan dan keselesaan masyarakat di kawasan Parlimen Maran khasnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan setiap projek pembangunan fasiliti kesihatan yang telah diluluskan oleh Kerajaan dapat dijayakan sepenuhnya.

Untuk makluman, Unit Perancang Ekonomi telah meneliti semula projek-projek yang belum dilaksanakan pembinaan di tapak dan memutuskan projek ini ditangguhkan pelaksanaannya buat masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia berniat untuk meneruskan projek tersebut di atas tapak tanah yang lebih sesuai dengan mengambil kira keperluan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.